PARLIMEN KELIMA BELAS

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG

PENGURUSAN WABAK COVID-19: VAKSIN LUPUT TEMPOH HAYAT, PERALATAN VENTILATOR TIDAK DAPAT DIGUNAKAN DAN LEBIHAN *PERSONAL PROTECTIVE EQUIPMENT* (PPE)

DR. 8 TAHUN 2024

AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 15

1. YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin [Masjid Tanah] ***-Pengerusi***
2. YB Puan Wong Shu Qi [Kluang] ***-Naib Pengerusi***
3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi]
4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
5. YB Dato' Adnan Abu Hassan [Kuala Pilah]
6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin]
7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
8. YB Tuan Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju]
9. YB Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong]
10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam]
11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu]
12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik]
13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratok]
14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin ***-Setiausaha PAC / Setiausaha Dewan Rakyat***

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC

(EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
6. Kementerian Ekonomi
7. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

KANDUNGAN

MUKA SURAT 2 - 5

LATAR BELAKANG

MUKA SURAT 6

PENDAHULUAN

MUKA SURAT 7 - 14

TINDAKAN SUSULAN BAGI SYOR-SYOR PAC PARLIMEN

MUKA SURAT 15

PENUTUP

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

LAPORAN TINDAKAN SUSULAN BERHUBUNG PENGURUSAN WABAK COVID-19: VAKSIN LUPUT TEMPOH HAYAT, PERALATAN VENTILATOR TIDAK DAPAT DIGUNAKAN DAN LEBIHAN *PERSONAL PROTECTIVE EQUIPMENT* (PPE)

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN

TERHADAP TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAGI SYOR-SYOR
LAPORAN PAC PARLIMEN

BERHUBUNG

PENGURUSAN WABAK COVID-19: VAKSIN LUPUT TEMPOH HAYAT, PERALATAN VENTILATOR TIDAK DAPAT DIGUNAKAN DAN LEBIHAN *PERSONAL PROTECTIVE EQUIPMENT* (PPE)

1. LATAR BELAKANG

1.1 Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Parlimen (PAC) membentangkan Laporan PAC Parlimen (DR. 11/2023) bertajuk Pengurusan Wabak COVID-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan dan Lebihan *Personal Protective Equipment* (PPE) di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 30 Oktober 2023.

1.2 Dalam laporan berkenaan, PAC Parlimen telah mengemukakan rumusan dan lima (5) syor yang perlu diambil tindakan oleh KKM iaitu:

i. Mengambil kira segala pengalaman yang telah dilalui, Pegawai Pengawal perlu memastikan kepentingan awam sentiasa dipelihara semasa perolehan darurat.

ii. Walaupun berhadapan dengan keadaan darurat, dokumentasi hendaklah dilaksanakan dengan usaha wajar.

iii. KKM perlu segera menyemak status waranti bagi kesemua 136 unit peralatan ventilator dan memastikan tindakan sewajarnya diambil kepada pihak yang bertanggungjawab.

iv. KKM hendaklah memastikan lebihan PPE dimanfaatkan sebaiknya sebelum tarikh luput.

v. Kerajaan seharusnya memainkan peranan dalam memastikan industri tempatan berupaya menghasilkan peralatan perubatan serta farmaseutikal bagi mengelakkan kebergantungan kepada negara luar dalam memperkasakan sistem penjagaan kesihatan awam.

1.2 Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 304 (b) Tahun 2023, tindakan susulan perlu diambil KKM selepas Laporan PAC tersebut dibentangkan di Dewan Rakyat. Justeru, Pegawai Pengawal KKM menerusi Kementerian Kewangan (MOF) telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Interim Pegawai Pengawal Terhadap Syor-syor DR. 11/2023 pada 28 November 2023.

1.3 Selain itu, lawatan verifikasi bagi isu berkaitan ventilator dan PPE telah dilaksanakan menerusi tiga (3) sesi. Lawatan verifikasi ini merangkumi semakan dokumen dan temu ramah dengan pihak yang berkaitan di fasiliti kesihatan KKM terpilih dan Pharmaniaga Logistics Sdn. Bhd. (PLSB) yang melibatkan penyertaan pegawai daripada MOF, Sekretariat PAC Parlimen, KKM serta hospital KKM. Butiran lawatan verifikasi yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

(a) Lawatan verifikasi pada 14 dan 15 Disember 2023:
   i. Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar, Johor; dan
   ii. Hospital Melaka.

(b) Lawatan verifikasi pada 19 Januari 2024:
   i. Pusat Jantung Sarawak, Kuching, Sarawak; dan
   ii. Hospital Umum Sarawak, Kuching, Sarawak.

(c) Lawatan verifikasi pada 23 Januari 2024:
   i. PLSB, Shah Alam, Selangor.

1.4 Usai lawatan verifikasi, Pegawai Pengawal KKM menerusi MOF telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Muktamad Pegawai Pengawal Terhadap Syor-syor DR.11/2023 kepada PAC pada 31 Januari 2024.

1.5 Sehubungan itu, melalui mandat dan punca kuasa yang diberikan di bawah 83(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR), Arahan Perbendaharaan 304 (b) Tahun 2023 dan Seksyen 5(3)(d) Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2024: Organisasi Kementerian-Kementerian, PAC Parlimen telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-syor PAC Parlimen berhubung Pengurusan Wabak COVID-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan dan Lebihan *Personal Protective Equipment* (PPE) di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 7 Mac 2024.

1.6 Kronologi Tindakan Susulan yang telah diambil Pegawai Pengawal terhadap Syor-Syor Laporan PAC Parlimen - DR. 11/2023 diringkaskan seperti jadual berikut:

BIL.	TARIKH/ MASA	PERKARA
1.	30 Oktober 2023/ 10.00 pagi	Pembentangan Laporan PAC Parlimen di Dewan Rakyat
2.	28 November 2023	Laporan Tindakan Susulan Interim Terhadap Syor-syor Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) DR.11 Tahun 2023: Pengurusan Wabak COVID-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan dan Lebihan *Personal Protective Equipment* (PPE) di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
3.	14 Disember 2023	Lawatan Verifikasi di Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar, Johor
4.	15 Disember 2023	Lawatan Verifikasi di Hospital Melaka
5.	19 Januari 2024	Lawatan Verifikasi di Pusat Jantung Sarawak, Kuching, Sarawak dan Hospital Umum Sarawak, Kuching, Sarawak
6.	23 Januari 2024	Lawatan Verifikasi di PLSB, Shah Alam, Selangor

BIL.	TARIKH/ MASA	PERKARA
7.	31 Januari 2024	Laporan Tindakan Susulan Muktamad Pegawai Pengawal Terhadap Syor-syor Laporan PAC berhubung Pengurusan Wabak COVID-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan dan Lebihan *Personal Protective Equipment* (PPE) di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
8.	7 Mac 2024/ 2.30 petang	Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-Syor PAC Parlimen bagi Laporan PAC Parlimen (DR. 11/2023) Saksi: **i. Kementerian Kewangan** - Tuan Ramzi bin Mansor [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)] **ii. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** - Dato' Sri Norazman bin Ayob [Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)] - Datuk Dr. Norhayati binti Rusli [Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)]

2. PENDAHULUAN

2.1 Pengurusan wabak COVID-19 di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah sebahagian daripada penemuan audit yang dilaporkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2021 Siri 2, Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan dan dibentangkan di Parlimen pada 16 Februari 2023.

2.2 Berikutan itu, PAC Parlimen telah memutuskan untuk membawa isu ini ke Prosiding PAC Parlimen Bil. 3(a) hingga 3(d) Tahun 2023 antara 15 Jun 2023 hingga 21 September 2023 sebelum membentangkan laporan PAC Parlimen (DR.11/2023) pada 30 Oktober 2023.

2.3 Antara isu utama yang telah dibangkitkan adalah seperti berikut:

i. ketiadaan perjanjian bertulis di antara KKM dan PLSB menyebabkan tiada mana-mana pihak yang boleh dipertanggungjawabkan untuk diambil tindakan berhubung kegagalan 104 unit ventilator berfungsi;
ii. terdapat sejumlah 8.5 juta dos vaksin COVID-19 bernilai RM505 juta telah luput setakat 1 Jun 2023; dan
iii. terdapat risiko lebihan 850,000 unit stok *boot cover* yang akan luput pada penghujung tahun 2024 bernilai RM 927,000 jika tidak dapat digunakan.



I

TINDAKAN SUSULAN BAGI SYOR-SYOR PAC BAGI (DR.11/2023)

3. TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 11/2023)

3.1 Syor 1: Mengambil kira segala pengalaman yang telah dilalui, Pegawai Pengawal perlu memastikan kepentingan awam sentiasa dipelihara semasa perolehan darurat.

Maklum Balas KKM

Perolehan darurat yang dilaksanakan di KKM adalah selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan/Pengurusan Belanjawan (PP/PB) 3.3 – Garis Panduan Perbelanjaan Darurat (AP 55) dan Perolehan Darurat AP 173.2 [yang kini dikenali sebagai (AP169)] dan surat kelulusan MOF bertarikh 25 Mac 2020.

Berdasarkan pengalaman menguruskan perolehan darurat semasa wabak COVID-19 serta mengambil kira keperluan khas di KKM, KKM telah menyediakan Garis Panduan Perbelanjaan Darurat (AP 55) dan Perolehan Darurat (AP 173.2) di bawah KKM yang komprehensif berdasarkan PP/PB 3.3. Garis panduan tersebut telah diedarkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah KKM pada 23 Oktober 2020 untuk rujukan dan panduan dalam melaksanakan perolehan darurat.

Pihak KKM telah mendapatkan pandangan daripada pihak MOF berhubung dengan tatacara bagi pengeluaran Lampiran B: Arahan Mula Kerja, PP/PB 3.3. Susulan itu, KKM telah mengambil langkah penambahbaikan segera berdasarkan maklum balas MOF dengan mengeluarkan surat edaran kepada semua PTJ di bawah KKM bertarikh 25 Ogos 2023 berhubung Terma Rujukan (TOR) Pengeluaran Lampiran B: Arahan Mula Kerja PP/PB 3.3: Garis Panduan Perbelanjaan Darurat (AP 55) dan Perolehan Darurat (AP 173.2). TOR ini

bertujuan bagi memastikan hak Kerajaan dan kepentingan awam terpelihara walaupun perolehan dilaksanakan secara perolehan darurat.

Bagi memperkasakan pelaksanaan perolehan darurat di KKM, garis panduan yang telah diedarkan pada 23 Oktober 2020 telah ditambah baik oleh KKM selaras dengan perubahan dalam Arahan Perbendaharaan (AP), perubahan kepada nilai perolehan Kerajaan dan syor daripada pihak MOF. Sehubungan itu, Garis Panduan Perbelanjaan Darurat (AP55) dan Perolehan Darurat (AP169A) telah diedarkan pada 22 Februari 2024 kepada semua PTJ KKM.

Ulasan PAC

PAC mahu MOF sentiasa memberi peringatan kepada semua PTJ bahawa wujudnya Garis Panduan Perbelanjaan Darurat (AP55) dan Perolehan Darurat (AP169A) bagi memastikan prosedur kewangan sentiasa dipatuhi dalam menjamin kepentingan awam.

3.2 Syor 2: Walaupun berhadapan dengan keadaan darurat, dokumentasi hendaklah dilaksanakan dengan usaha wajar.

Maklum Balas KKM

Perolehan darurat pembelian ventilator telah dilaksanakan semasa wabak COVID-19 melanda negara, pada bulan Februari 2020 adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan/Pengurusan Belanjawan (PP/PB) 3.3 yang menyatakan tiada keperluan untuk menyedia atau menandatangani dokumen kontrak.

MOF berpandangan tiada keperluan untuk menyedia atau menandatangani dokumen kontrak kerana perolehan perlu dilaksanakan dengan segera dan penyediaan kontrak akan mengambil masa yang lama.

Justeru, TOR Pengeluaran Lampiran B: Arahan Mula Kerja PP/PB 3.3: Garis Panduan Perbelanjaan Darurat (AP 55) dan Perolehan Darurat (AP 173.2) telah diedarkan pada 25 Ogos 2023. TOR ini merupakan lampiran terperinci kepada Lampiran B yang terdapat dalam PP/PB: 3.3 dan komponennya adalah seperti berikut:

i. Obligasi Perolehan

   Menerangkan dengan jelas skop dan spesifikasi bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang perlu dilaksanakan. Menetapkan kuantiti bekalan, tempoh masa perkhidmatan atau tempoh pelaksanaan kerja yang diperlukan

ii. Terma Penghantaran

   Menjelaskan kaedah, masa dan lokasi penghantaran dengan lengkap. Sekiranya perlu, disertakan dengan maklumat pegawai penerima yang telah ditetapkan.

iii. Waranti

   Memasukkan terma tempoh waranti bagi pembekalan/ perkhidmatan/ kerja yang dilaksanakan.

iv. Penalti

   Memasukkan terma penalti sekiranya pembekalan/ perkhidmatan/ kerja gagal dilaksanakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Kiraan penalti boleh dirujuk berdasarkan kontrak sedia ada yang berkaitan atau berdasarkan pengiraan yang wajar dan bersesuaian

v. Penggantian Bagi Bekalan/ Perkhidmatan yang tidak memenuhi spesifikasi/ Rosak

Memasukkan terma penggantian bagi bekalan/ perkhidmatan dengan skop atau spesifikasi yang sama dan dalam tempoh tertentu yang dipersetujui. Sebarang perubahan skop/ spesifikasi atau pelanjutan tempoh penggantian perlu dipersetujui bersama oleh kedua-dua pihak secara bertulis.

vi. Pembayaran

Memasukkan terma “pembayaran dilaksanakan selepas pengesahan kerja dibuat oleh Pegawai Pelaksana dan semua dokumen lengkap diterima”.

vii. Lain-lain Terma yang Bersesuaian

PTJ pelaksana ketika melaksanakan perolehan darurat tersebut boleh memasukkan lain-lain terma yang difikirkan bersesuain bagi memastikan hak Kerajaan terpelihara.

Ulasan PAC

PAC mahu semua Kementerian menitikberatkan penyediaan dokumen asas kontrak dalam membuat perolehan walaupun ketika darurat.

3.3 Syor 3: KKM perlu segera menyemak status waranti bagi kesemua 136 unit peralatan ventilator dan memastikan tindakan sewajarnya diambil kepada pihak yang bertanggungjawab.

Maklum Balas KKM

KKM tidak menerima waranti daripada pengilang semasa pembelian 136 unit ventilator oleh PLSB pada bulan Mac 2020. Waranti yang diterima KKM adalah susulan daripada Mesyuarat Rundingan Harga Peralatan Perubatan Ventilator Secara Perolehan Darurat bersama pihak PLSB pada 1 September 2020 bagi

menaik taraf 136 unit ventilator dan waranti diberikan dalam mesyuarat rundingan harga tersebut untuk tempoh dua (2) tahun dari tarikh kelulusan Pengujian dan Pentauliahan (*Testing and Commisioning* - T&C).

Hanya 32 ventilator telah lulus ujian T&C dan menerima waranti dua (2) tahun dari tarikh T&C dilaksanakan. Kini, baki enam (6) peralatan ventilator masih dalam waranti seperti berikut:

i. tiga (3) unit di Hospital Pulau Pinang akan tamat pada 17 Mac 2024;
ii. satu (1) unit di Hospital Pulau Pinang akan tamat pada 29 September 2024; dan
iii. dua (2) unit di Hospital Lahad Datu akan tamat pada 29 September 2024.

Mesyuarat Rundingan Terhadap Notis Tuntutan bagi Isu Ventilator telah diadakan pada 29 Februari 2024, dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Secara dasarnya, PLSB bersetuju kos pembelian ventilator dan kos kerja-kerja menaik taraf adalah untuk 32 unit ventilator sahaja. Kos-kos bagi 104 unit ventilator yang tidak dapat berfungsi akan ditanggung oleh PLSB. PLSB juga telah bersetuju untuk bayaran balik sebanyak RM16,785,910.95 kepada KKM.

Ulasan PAC

Memandangkan KKM berjaya mendapatkan semula bayaran balik dari PLSB bagi 104 unit peralatan ventilator yang tidak dapat digunakan, PAC mencadangkan supaya wang berkenaan diguna dan ditambah oleh MOF bagi memastikan ketersediaan peralatan ventilator di seluruh hospital Kerajaan.

3.4 Syor 4: KKM hendaklah memastikan lebihan PPE dimanfaatkan sebaiknya sebelum tarikh luput.

Maklum Balas KKM

Keperluan pemakaian PPE dalam aktiviti kawalan infeksi bagi pengurusan wabak COVID-19 telah dikemaskini dalam Garis Panduan Pengurusan COVID-19 melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan bertarikh 16 Februari 2022. Perubahan keperluan pemakaian ini dilaksanakan selaras perkembangan dan penemuan saintifik terkini dalam pengurusan kes COVID-19, saranan daripada *World Health Organization* (WHO), *Centers for Disease and Prevention* (CDC) dan berdasarkan kajian serta pengalaman dari negara-negara luar.

Berdasarkan garis panduan yang telah dikemaskini tersebut, *boot cover* dan *protective jumpsuit / coverall* merupakan antara PPE yang tidak lagi disarankan untuk digunakan dalam pengurusan wabak COVID-19. Susulan daripada itu, penggunaan bagi kedua-dua PPE tersebut telah mengalami penurunan yang ketara berbanding unjuran asal.

Sebagai langkah untuk memanfaatkan lebihan PPE dan memastikan bekalan PPE sentiasa berada pada paras optimum di fasiliti kesihatan, pihak KKM telah mengambil langkah seperti berikut:

i. Mengenal pasti dan menjalankan mobilisasi serta pengagihan semula *boot cover* dan *protective jumpsuit / coverall* untuk kegunaan lain dalam pelaksanaan operasi harian serta aktiviti lapangan bagi skop perkhidmatan KKM sedia ada. Sebagai contoh:

   a) penggunaan *boot cover* di Unit Sajian, Unit Forensik, Unit Perkhidmatan Pensterilan Berpusat dan dewan bedah;

b) sebagai bahan pendidikan dalam kursus lanjutan kawalan infeksi, di mana ia boleh digunakan walaupun telah tamat tarikh luput; dan

c) penggunaan semasa aktiviti lapangan luar KKM seperti aktiviti entomologi dan kawalan *pest*; aktiviti penyiasatan, pengesanan kes dan pengambilan sampel; aktiviti bekalan air serta kesihatan alam sekitar.

ii. KKM juga membuat tawaran pembekalan bagi lebihan stok PPE sedia ada kepada agensi dan pihak luar yang memerlukan bekalan seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Lembaga Tabung Haji, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Pertanian.

Susulan daripada tindakan yang dilaksanakan, baki stok *boot cover* berjumlah 1.36 juta unit akan dapat digunakan sepenuhnya sebelum berakhir tahun 2024 (November 2024) dan *protective jumpsuit / coverall* berjumlah 430,000 unit akan dapat digunakan sepenuhnya sehingga awal tahun 2025 (Februari 2025).

Ulasan PAC

PAC mahu KKM memastikan stok *boot cover* dan *protective jumpsuit / coverall* pada kadar optimal bagi persediaan sekiranya berlaku wabak / pandemik.

3.5 Syor 5: Kerajaan seharusnya memainkan peranan dalam memastikan industri tempatan berupaya menghasilkan peralatan perubatan serta farmaseutikal bagi mengelakkan kebergantungan kepada negara luar dalam memperkasakan sistem penjagaan kesihatan awam.

Maklum Balas KKM

Bagi memperkasakan industri kesihatan tempatan, KKM telah melaksanakan strategi seperti berikut:

i. menghadiri sesi libat urus bersama-sama syarikat pembuat peralatan perubatan dan farmaseutikal tempatan serta memastikan kod bidang pengeluar tempatan dinyatakan dalam iklan tender pembekalan peralatan perubatan dan farmaseutikal supaya industri tempatan dapat turut serta dalam tender Kerajaan;
ii. melaksanakan promosi insentif dan pelepasan cukai sedia ada di bawah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) serta bekerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) bagi promosi di peringkat antarabangsa dan menarik pelaburan;
iii. mempromosi dan menggalakkan penggunaan peralatan perubatan dan farmaseutikal tempatan di peringkat Kerajaan dan swasta;
iv. membangunkan kemahiran bagi tenaga kerja tempatan melalui Program *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTEGE);
v. mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) bagi pemetaan rantaian bekalan untuk peralatan perubatan dan farmaseutikal tempatan supaya syarikat tempatan dapat menyertai rantaian bekalan berkenaan;
vi. meneruskan program Skim Anak Angkat bagi memberi peluang kepada syarikat tempatan untuk memasarkan peralatan perubatan dan farmaseutikal; dan
vii. menjalinkan hubungan kerjasama dengan kementerian dan agensi-agensi lain susulan daripada pelancaran Dasar Perindustrian Baru Negara bagi membantu pertumbuhan industri peralatan perubatan dan farmaseutikal tempatan.

Ulasan PAC

KKM perlu lebih proaktif untuk mengadakan libat urus dengan pemain industri kesihatan tempatan secara berkala bagi memenuhi keperluan KKM dan keterjaminan kesihatan negara.

4. PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil Pegawai Pengawal ke atas syor-syor PAC Parlimen dalam Laporan PAC Parlimen DR. 11/2023 selaras dengan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023).

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PADA KHAMIS, 7 MAC 2024

MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Khamis, 7 Mac 2024

MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding Laporan Tindakan Susulan:
Pengurusan Wabak COVID-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan dan Lebihan Personal Protective Equipment (PPE) di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia terhadap Syor-Syor Laporan PAC Parlimen (DR.11/2023)

Kementerian Kewangan (MOF)
YBrs. Tuan Ramzi bin Mansor
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

KHAMIS, 07 MAC 2024

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir
YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Mazidah binti Mohamed [Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat)]

HADIR BERSAMA

Jabatan Perkhidmatan Awam
Encik Ahmad Azhan bin Mohd Noh @ Mohamed Nor [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan
Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen Parlimen dan Kawalan Pemantauan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Encik Nurul Allbiirr bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Jabatan Akauntan Negara
Puan Lailatul Fadzillah binti Ideris [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA))]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Encik Gunalan Perumal [Penolong Pesuruhjaya]
PsK Mohd Ihsan bin Sapuan [Penguasa Kanan (Bahagian Siasatan)]
Ps Muhammad Izzuddin bin Mohd Salleh [Penguasa (Bahagian Siasatan)]

Kementerian Ekonomi
YBrs. Dr. Ida Saliny binti Hassan [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Sosial)]

SAKSI

Kementerian Kewangan (MOF)
YBrs. Tuan Ramzi bin Mansor [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)]
Encik Mohd Fairuz bin Sa'don [Ketua Penolong Setiausaha Perolehan Kerajaan]
Cik Adawiyah binti Ahdan [Ketua Penolong Pengarah Belanjawan Negara]
Encik Muhammad Haziq bin Tajuddin [Penolong Setiausaha Perolehan Kerajaan]

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob [Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)]
YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli [Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Bahagian Kesihatan Awam)]
YBrs. Dr. Azkhaire bin Anor Basah [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Perkembangan Perubatan)]
YBrs. Dr. Zulhizzam bin Hj. Abdullah [Pengarah (Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam]
YBrs. Dr. Noor Zuhura binti Mohd [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Perkembangan Perubatan)]
YBrs. Dr. Nora Eliza binti Abdul Halim [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Perkembangan Perubatan)]
YBrs. Dr. Diana binti Mahat [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Kawalan Penyakit)]
Encik Dhanesh Kumar Danesekaran [Setiausaha Bahagian (Bahagian Kewangan)]
Encik Mohd Fauzee bin Abd. Majid [Setiausaha Bahagian (Bahagian Perolehan dan Penswastaan)]
Puan Ilham binti Tan Sri Abd. Kader [Penasihat Undang-Undang]
Puan Nurazura bt Abdul Talib [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Perolehan dan Penswastaan)]
Puan Nor Azlin binti Adam [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam)]
Puan Nur Ain' Suhaila binti Shohaimi [Timbalan Pengarah]
Dr. Mohd Safiee bin Ismail [Pengarah (Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga)]
Dr. Saidatul Norbaya binti Buang [Timbalan Pengarah (Kesihatan Keluarga)]
Pn. Noor Salfina binti Mat Fisal [Penolong Pegawai Tadbir (Bahagian Pekembangan Perubatan)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KETIGA

BILIK JAWATANKUASA 1, PARLIMEN MALAYSIA

KHAMIS, 7 MAC 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.32 petang

[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
mempengerusikan Mesyuarat*]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Selamat petang saya ucapkan pada Naib Pengerusi PAC YB Wong Shu Qi, ahli-ahli Yang Berhormat, ahli PAC Parlimen Ke-15 dan semua ahli-ahli ex-officio, daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi dan juga Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir pada petang ini.

Prosiding tindakan susulan pada petang ini adalah untuk mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Kewangan (MOF) dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia terhadap syor-syor PAC dalam Laporan Pengurusan Wabak COVID-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Yang Tidak Dapat Digunakan dan Lebihan *Personal Protective Equipment* (PPE). Sebagaimana semua sedia maklum, laporan PAC ini telah pun kita bentangkan di Parlimen pada 30 Oktober 2023. Untuk makluman semua sebagai langkah penambahbaikan bagi prosiding tindakan susulan termasuk untuk meningkatkan kualiti laporan dan tindakan susulan, Jawatankuasa ini mengambil inisiatif untuk mengedarkan maklum balas pegawai pengawal terhadap syor PAC terhadap semua ex-officio untuk memberikan ulasan terhadap maklum balas berkenaan.

Sehubungan dengan itu, ini adalah merupakan prosiding tindakan yang mengandungi maklum balas ex-officio dan bagi maklum balas tajuk ini ianya diedarkan pada 20 Februari 2024. Berikutan dengan itu, saya nak semua ex-officio PAC memberikan pandangan pada setiap maklum balas apabila TKSP ataupun TKSU selesai membentangkan setiap satu maklum balas. Pandangan ex-officio ini akan dimasukkan sekali dalam laporan bersekali dengan ulasan PAC. Yang Berhormat, Ahli-ahli mesyuarat sekalian yang ini memang adalah satu pendekatan baru lah untuk penambahbaikan yang kita buat.

Saya harap semua dapat mematuhi lah itu dan hadir di depan PAC pada hari ini yang pertamanya Yang Berusaha Tuan Ramzi bin Mansor, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (TSKP) (Pengurusan) MOF mewakili Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Saya difahamkan baru sahaja menjadi TKSP. Jadi syabas dan tahniah pada Tuan Ramzi. Yang Berbahagia Dato' Sri Norazman Ayub Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) KKM memangku Ketua Setiausaha (KKM) yang ni dah biasa dah kan. *[Ketawa].* Ketiga Yang Berbahagia Dato Dr. Norhayati binti Rusli Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) KKM. Jadi tanpa membuang masa, saya menjemput Yang Berusaha Tuan Ramzi bin Mansor untuk memulakan pembentangan. Dipersilakan.

Tuan Ramzi bin Mansor [Kementerian Kewangan]: Okey. *Assalamualaikum* dan salam sejahtera kepada Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Puan Wong Shu Qi, Naib Pengerusi PAC; Yang Berhormat–Yang Berhormat Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Bersama saya Dato' Sri Norazman TKSU Kementerian Kesihatan, pegawai-pegawai, ex-officio kementerian dan juga sekretariat PAC Parlimen. Kalau kita tengok slaid ini, untuk hari ini seperti mana yang Pengerusi bagi tahu, dia dah lebih kita nak bincang kepada pengurusan wabak COVID-19. Vaksin luput, tempoh hayat peralatan ventilator tidak dapat digunakan dan juga lebihan *Personal Protective Equipment* (PPE) di bawah Kementerian Kesihatan.

So, nanti Yang Berbahagia Dato' Sri TKSU akan memberi penerangan. Tapi terlebih dahulu saya ingin memberi sikit penjelasan yang kita bincang ini merupakan sebahagian daripada isu yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 2 berkaitan dengan aktiviti kementerian, jabatan Kerajaan Persekutuan dan badan-badan berkanun. Susulan itu, PAC Parlimen telah memutuskan untuk membawa isu ini ke prosiding PAC Parlimen sebanyak empat kali. Sebab saya baru masuk, saya difahamkan empat kali lah. Keempat-empat tu saya tak *join* lah okey. Prosiding Bilangan 3(a), (b), (c) dan (d) antara tempoh dia 15 Jun 2023 hingga 21 September 2023.

Seterusnya, laporan PAC berhubung isu ini telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 30 Oktober 2023 dan terdapat lima syor yang dikemukakan oleh PAC Parlimen dan berkenaan dengan tindakan susulanlah yang perlu diambil oleh pegawai pengawal selaras dengan Arahan Perbendaharaan (Pindaan) 2023 304(b). *So*, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Kementerian Kewangan telah mengemukakan laporan tindakan susulan interim bagi isu ini kepada PAC Parlimen pada 28 November 2023.

Sehubungan dengan itu, pada hari ini Kementerian Kewangan bersama-sama Kementerian Kesihatan akan membentangkan kepada PAC Parlimen status tindakan susulan yang telah dilaksanakan terhadap syor-syor PAC berhubung isu ini. Sebelum saya menyerahkan kepada Dato' Sri TKSU, saya ingin maklumkan MOF bersama-sama dengan sekretariat PAC telah melaksanakan empat lawatan fizikal dan verifikasi yang menumpukan kepada isu ventilator dan juga PPE seperti berikut.

Pertama pada 14 Disember 2023 ada lawatan ke Hospital Pakar Sultanah Fatimah di Muar, Johor. Disusuli pada hari kedua 15 Disember 2023 ke Hospital Melaka. Seterusnya pada 19 Januari 2024 pada tahun ini lawatan ke Hospital Umum Sarawak dan juga Pusat Jantung Sarawak dan yang terakhir pada 23 Januari 2024 ke Gudang Pharmaniaga Logistik Sendirian Berhad di Shah Alam.

Berdasarkan laporan serta verifikasi yang dilaksanakan, secara ringkasnya Kementerian Kewangan berpandangan bahawa pihak Kementerian Kesihatan telah dan sedang melaksanakan tindakan sewajarnya terhadap kelima-lima syor yang diberikan PAC berhubung dengan perkara ini. *So*, saya dengan ini ingin jemputlah sahabat saya TKSU Kementerian Kesihatan Dato' Sri Norazman untuk menyampaikan taklimat selanjutnya. Silakan.

■1440

Dato' Sri Norazman Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Selamat petang Yang Berhormat Pengerusi dan ahli-ahli PAC, juga kepada rakan saya Tuan Ramzi, Yang Berbahagia Datuk Dr. Norhayati, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan rakan-rakan daripada KKM serta agensi-agensi lain.

Seperti mana sedia maklum, susulan daripada pembentangan laporan PAC, KKM telah pun menyusul, ada lima syor oleh PAC. Pada hari ini kita akan membentangkan tentang status tindakan telah ambil ke atas kelima-lima syor tersebut. Secara rumusannya, seperti mana terpapar di skrin, syor pertama hingga syor ketiga adalah lebih merujuk kepada tatacara perolehan dan juga perbelanjaan darurat serta berkenaan dengan syor KKM untuk menyusuli tentang status waranti bagi ventilator-ventilator yang tidak dapat digunakan.

Jadi, dalam hal ini saya akan – selepas ini saya akan menjemput Encik Fauzee selaku Setiausaha Bahagian Perolehan di KKM untuk menjelaskan tentang tindakan-tindakan penambahbaikan yang telah kami ambil. Seterusnya, selepas itu saya akan menjemput Dr. Nora yang akan menjelaskan tentang tindakan yang akan diambil oleh – yang telah ataupun sedang diambil oleh KKM berhubung dengan lebihan stok *personal protective equipment* (PPE).

Seterusnya untuk syor kelima, saya sendiri akan merumuskan tentang apakah tindakan diambil oleh KKM dalam kita memainkan peranan untuk meningkatkan pertumbuhan industri tempatan kita, terutamanya dalam sektor *pharmaceutical* dan juga peranti perubatan. Jadi, dengan izin Yang Berhormat, saya menjemput Encik Fauzee untuk memaklumkan tentang syor yang pertama. Terima kasih.

Encik Mohd Fauzee bin Abd. Majid [Kementerian Kesihatan Malaysia]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, saya di belakang sini. Yang Berhormat Timbalan Pengerusi, ahli-ahli PAC, Yang Berbahagia Dato' Sri, Yang Berbahagia Datuk, tuan-tuan dan puan-puan.

Saya akan membentangkan berhubung dengan tiga syor. Syor yang pertama adalah berhubung dengan syor PAC. Mengambil kira segala pengalaman yang telah dilalui, pegawai pengawal perlu memastikan kepentingan awam sentiasa dipelihara semasa perolehan darurat. Jadi, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, seperti mana yang dijelaskan dalam sesi PAC yang lepas, perolehan darurat yang dilaksanakan di KKM adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan (PP/PB3.3), Garis Panduan Perbelanjaan Darurat (AP55) dan Perolehan Darurat (AP173.2) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Justeru, perolehan darurat yang dilaksanakan KKM ketika wabak COVID-19 ini adalah bagi pembekalan produk-produk peralatan perubatan farmaseutikal dan terdapat juga kerja-kerja menaik taraf bangunan kesihatan di KKM.

Perolehan yang dilaksanakan pada tahun 2020 Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, sewaktu wabak COVID-19 adalah berdasarkan kepada pekeliling yang dikeluarkan oleh MOF. Jadi, sebagaimana yang dijelaskan dalam sesi PAC yang lepas, selepas daripada bulan Mei 2020, perolehan darurat ini telah diserahkan kepada semua PTJ ataupun hospital-hospital KKM untuk melaksanakan perolehan itu berdasarkan kepada keperluan masing-masing.

Jadi, KKM pada 23 Oktober 2020 telah mengeluarkan satu garis panduan dalaman kepada semua bahagian, jabatan, institusi, fasiliti di bawah KKM bagi melaksanakan perolehan darurat selaras dengan pekeliling yang telah ditetapkan oleh MOF. Ini bagi memastikan proses perolehan dapat dilaksanakan dengan segera dan bayaran dikendalikan dengan teratur mengikut peraturan-peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Seterusnya, berdasarkan kepada pandangan daripada pihak PAC, KKM telah mendapatkan pandangan daripada pihak MOF berhubung dengan tatacara bagi pengeluaran Lampiran B ataupun Arahan Mula Kerja berhubung dengan perolehan

darurat ini. Jadi, pada 25 Ogos 2023 Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, KKM melalui satu surat edaran telah memaklumkan kepada semua PTJ di bawah KKM berhubung dengan terma rujukan ataupun TOR, pengeluaran Lampiran B Arahan Mula Kerja (PB/PB3.3) bagi perbelanjaan darurat dan juga Perolehan Darurat (AP173.2).

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, berdasarkan kepada perubahan kepada arahan perbendaharaan, berdasarkan pada perubahan kepada nilai perolehan kerajaan, juga berdasarkan kepada syor daripada pihak MOF, KKM sekali lagi pada 22 Februari 2024 telah mengeluarkan satu lagi garis panduan dalaman. Ini merangkumi kepada semua perolehan darurat yang dilaksanakan di KKM bagi memastikan semua perolehan darurat yang dilaksanakan oleh PTJ di bawah Kementerian Kesihatan dilaksanakan berdasarkan kepada tatacara yang ditetapkan.

[Merujuk kepada slaid pembentangan] Yang Berhormat Datuk Wira, ini adalah *snapshot* garis panduan yang diedarkan pada 23 Oktober 2020.

Seterusnya, ini adalah terma rujukan ataupun TOR bagi pengeluaran Lampiran B yang telah kita edarkan pada 25 Ogos 2023.

Okey, kalau kita lihat kepada sebelah – kepada tengah dan juga kepada sebelah kanan Yang Berhormat Pengerusi, ini adalah lampiran-lampiran yang kita tambah kepada pengeluaran Lampiran B. Penambahbaikan yang telah kita laksanakan yang mana di situ kita letakkan *details* berhubung dengan obligasi perolehan, tempoh penghantaran, terma penghantaran, waranti, penalti dan sebagainya.

Seterusnya sekali lagi pada 22 Februari 2024, ini yang saya nyatakan tadi. KKM telah mengeluarkan satu garis panduan dalaman bagi pelaksanaan perolehan darurat di bawah AP55 dan juga AP169A yang telah kita edarkan pada 22 Februari 2024.

Jadi, slaid ini Yang Berhormat Datuk Wira menunjukkan perbezaan apakah penambahbaikan yang kita laksanakan. Jadi, pada 23 Oktober 2020 yang asal ini, ada kita jelaskan tentang definisi ketua jabatan, keahlian Jawatankuasa Rundingan Harga Perolehan Darurat di peringkat ibu pejabat dan juga di peringkat PTJ. Manakala bagi garis panduan dalaman yang kita keluarkan pada 22 Februari 2024, kita masukkan dengan jelas berhubung dengan TOR kepada Lampiran B, penyelarasan semula keahlian Jawatankuasa Rundingan Harga Perolehan Darurat dan had nilai perolehan darurat.

Ini adalah berdasarkan kepada penetapan pembelian terus Kementerian Kewangan pada ketika ini yang mana pembelian terus dibenarkan sehingga

RM50,000. Jadi, kita pinda had nilai perolehan darurat ini adalah untuk yang bernilai RM50,000 ke atas dan juga syarat berhubung dengan pengesahan peruntukan sama ada di bawah peruntukan mengurus ataupun pembangunan dan juga sebarang pindaan skop kenaikan kos ataupun perubahan-perubahan yang perlu mendapatkan pertimbangan semula pegawai pengawal.

Yang Berhormat, itu adalah ulasan bagi syor satu. Boleh saya teruskan ataupun ada apa-apa soalan bagi syor satu tadi?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kalau tak ada soalan *then* boleh *proceed*. Okey, ada maklum balas daripada ex officio? Ada apa-apa? *Any*? Tak ada? Saya andaikan tiada. Jadi, kita *proceed* dengan seterusnya.

En. Mohd Fauzee Bin Abd Majid [Kementerian Kesihatan Malaysia]: *So*, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, syor yang kedua adalah walaupun berhadapan dengan keadaan darurat, dokumentasi hendaklah dilaksanakan dengan usaha wajar. Jadi, perbincangan dalam sesi-sesi PAC yang lepas Yang Berhormat Datuk Wira adalah berhubung dengan keperluan mewujudkan satu dokumen perjanjian bagi pelaksanaan perolehan darurat di Kementerian Kesihatan.

Sebagaimana yang dijelaskan Yang Berhormat Datuk Wira, pekeliling oleh Kementerian Kewangan tidak menyatakan berhubung dengan keperluan untuk menyedia atau menandatangani dokumen-dokumen kontrak.

■1450

Jadi, berdasarkan kepada syor daripada pihak PAC, Kementerian Kesihatan telah mendapatkan pandangan daripada pihak MOF dan pihak MOF telah memaklumkan bahawa secara dasarnya pelaksanaan perolehan darurat tidak memerlukan sebarang dokumen kontrak memandangkan perolehan perlu dilaksanakan dalam kadar yang segera dan dikhuatiri penyediaan kontrak akan mengambil masa yang lama. Walau bagaimanapun, MOF telah mencadangkan supaya terma-terma yang perlu dimasukkan ini boleh dimasukkan ke dalam Lampiran B (Arahan Mula Kerja) seperti yang saya nyatakan dalam Syor 1 tadi.

Jadi, bagi memperkasa pelaksanaan perolehan darurat di KKM, pada 25 Ogos 2023, tahun lepas, kita telah mengedarkan satu terma rujukan berhubung dengan pengeluaran Lampiran B (Arahan Mula Kerja) Garis Panduan Perbelanjaan Darurat dan Perolehan Darurat kepada semua PTJ.

Jadi, untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, TOR ini merupakan lampiran terperinci kepada Lampiran B sedia ada dan semakan kementerian juga mendapati Kementerian Kesihatan satu-satunya kementerian yang mempunyai dokumen tambahan seperti inilah. Tak ada kementerian lain yang mempunyai dokumen terperinci ke atas Lampiran B.

Jadi, TOR ini menekankan berhubung dengan obligasi perolehan, terma penghantaran, *warranty, penalty*, penggantian bagi bekalan perkhidmatan yang tidak memenuhi spesifikasi/rosak, pembayaran dan lain-lain terma yang difikirkan perlu dan bersesuaian dengan perolehan darurat yang dilaksanakan bagi memastikan hak kerajaan terpelihara. Ini adalah contoh seperti yang saya nyatakan tadi. *[Merujuk pada paparan di skrin]*

Next. Jadi, ini adalah komponen-komponen yang kita letakkan dalam garis panduan berkenaan, Yang Berhormat Datuk Wira. *[Merujuk pada paparan di skrin]* Obligasi perolehan— nombor satu itu— menjelaskan tentang keperluan skop yang jelas, spesifikasi yang jelas berhubung dengan bekalan perkhidmatan dan kerja yang perlu dilaksanakan, menetapkan kuantiti bekalan, tempoh masa perkhidmatan dan juga tempoh pelaksanaan kerja yang perlu.

Terma penghantaran pula menjelaskan kaedah, masa, lokasi penghantaran yang lengkap. Sekiranya perlu, disertakan dengan maklumat pegawai penerima yang telah ditetapkan.

Warranty. Memasukkan tempoh *warranty* bagi pembekalan perkhidmatan kerja yang dilaksanakan.

Penalti. Memasukkan terma penalti sekiranya pembekalan perkhidmatan kerja gagal dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Kiraan penalti boleh dirujuk kepada kontrak sedia ada atau berdasarkan pengiraan yang wajar dan bersesuaian.

Seterusnya, perkara lima adalah penggantian bagi bekalan perkhidmatan yang tidak memenuhi spesifikasi atau rosak. Memasukkan terma yang jelas berhubung dengan terma-terma penggantian dengan skop atau spesifikasi yang sama dan dalam tempoh tertentu yang dipersetujui. Sebarang perubahan skop atau pun spesifikasi atau perlanjutan tempoh penggantian perlu dipersetujui bersama oleh kedua-dua pihak secara bertulis.

Berhubung dengan pembayaran, memasukkan terma bayaran dilaksanakan selepas pengesahan kerja dibuat oleh pegawai pelaksana dan semua dokumen lengkap diterima.

Dan lain-lain terma yang difikirkan bersesuaian oleh PTJ pelaksana ketika melaksanakan perolehan darurat tersebut bagi memastikan hak kerajaan terpelihara.

Itu adalah penjelasan bagi Syor 2, Yang Berhormat Pengerusi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Ada apa-apa maklum balas daripada Ahli PAC atau pun ex-officio? Tak ada? Okey. *Next*.

Encik Mohd Fauzee bin Abd. Majid [Kementerian Kesihatan Malaysia]: Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi.

Ketiga adalah KKM perlu segera menyemak status *warranty* bagi kesemua 136 unit peralatan ventilator dan memastikan tindakan sewajarnya diambil kepada pihak yang bertanggungjawab.

Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, Ahli-ahli PAC sekalian, KKM dalam mesyuarat sesi PAC yang lepas telah menyatakan bahawa KKM tidak menerima *warranty* daripada pengilang semasa pembelian 136 unit ventilator daripada Pharmaniaga pada bulan Mac 2020. *Warranty* yang KKM terima untuk tempoh dua tahun adalah sewaktu Mesyuarat Rundingan Harga Peralatan Perubatan Ventilator Secara Perolehan Darurat bersama pihak PLSB pada 1 September 2020 bagi menaik taraf 136 unit ventilator dan *warranty* diberikan dalam mesyuarat tersebut untuk tempoh dua tahun dari tarikh kelulusan pengujian dan pentauliahan atau pun T&C.

Jadi, seperti mana yang dijelaskan juga dalam sesi-sesi yang lepas, 32 unit ventilator telah lulus ujian T&C dan *warranty* adalah selama dua tahun daripada tempoh T&C dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan juga Ahli-ahli PAC, pada masa ini enam unit ventilator masih dalam tempoh *warranty*. Tiga unit adalah bagi ventilator yang terdapat di Hospital Pulau Pinang yang akan tamat pada 17 Mac 2024 dan satu unit akan tamat pada 29 September 2024. Baki dua unit di Hospital Lahad Datu yang akan tamat pada 29 September 2024.

Seterusnya, bagi baki 104 unit ventilator yang tidak boleh diguna pakai, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, satu mesyuarat rundingan yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Datuk KSP telah diadakan pada 29 Februari 2024. Jadi, saya ingin memaklumkan di sini, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan juga Ahli-ahli PAC, bahawa Pharmaniaga telah bersetuju supaya kos untuk 104 unit ventilator yang tidak berfungsi ini akan ditanggung oleh PLSB. Ini bermaksud kos pembelian tersebut akan dipulangkan semula kepada pihak KKM. Itu yang pertama.

Kedua, kos naik taraf 104 unit ventilator tersebut juga akan ditanggung oleh Pharmaniaga. Maksudnya tidak akan dikenakan caj kepada pihak KKM. Justeru, Pharmaniaga akan membayar balik kos-kos berkenaan kepada pihak KKM, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan juga Ahli-ahli PAC.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Bayan Baru. Lepas itu Tampin.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Terima kasih. Saya pun rasa baguslah ada *follow up* dan juga ada perkembangan baharu. Terima kasih memberi perkembangan baharu kepada kami.

Saya tertarik tentang Pharmaniaga ingin ambil balik semua ventilator yang 104 itu dan mereka akan naik taraf, kan? Lepas itu, dia jual balik kepada kerajaan kah atau dia akan— apa tindakan seterusnya kepada 104 ventilator tersebut?

Dato' Seri Norazman bin Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: Yang Berhormat, dalam perbincangan dengan Pharmaniaga, kami tidak berbincang tentang perkara itu. Kami cuma hanya menuntut pampasan dan mereka bersetuju bayar. Jadi, apa yang mereka nak buat tentang ventilator itu terpulang kepada Pharmaniaga lah. Kalau lepas itu dia nak naik taraf, dia *consider* nak jual balik ke KKM, *then* kita akan pertimbangkan, tertakluk kepada keperluan dan juga penilaian teknikallah. Tetapi kalau Pharmaniaga memikirkan mereka nak jual kepada pihak lain, itu terpulanglah. Sebab, seolah kami tidak membeli alat itu. Sebab, dia dah pulangkan duit yang kita bayar. Jadi, terpulang kepada merekalah.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Maksudnya kalau mereka ambil balik dan juga mereka bayar pampasan kepada kerajaan, maka kerajaan tidak akan ambil tindakan undang-undang terhadap merekalah? Betul?

Dato' Seri Norazman bin Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: Ya, betul.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *That's like a deal*-lah ya?

Dato' Seri Norazman bin Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: Ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey. Terima kasih.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Terima kasih, Datuk Wira Pengerusi. Daripada 32 unit yang berfungsi sekarang ini, adakah 32 unit ini masih berfungsi atau pun perlukan penambahbaikan atau pun *repair* dan sebagainya? Itu pertama. Kedua, adakah pihak Pharmaniaga dah buat pembayaran yang RM16.8 juta itu? Terima kasih.

Dato' Seri Norazman bin Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: Dr. Azkhaire, jawab yang *the first* ya.

Dr. Azkhaire bin Anor Basah [Kementerian Kesihatan Malaysia]: Okey, terima kasih. Untuk 32 unit itu, semua digunakan dan *so far* selepas naik taraf itu, ada minor, macam contoh, rosak sikit-sikit tetapi telah dibaiki. Kita *still follow up until the warranty*-lah. Sebab, ada yang enam tadi masih dalam tempoh *warranty* dan kita masih *follow up* sepanjang tempoh.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh saya tahu, bila Pharmaniaga nak buat bayaran kepada pihak KKM itu?

■1500

Dato' Sri Norazman Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: Yang itu kami akan perlu perincikan dengan mereka, *because of course, there will be procedures.* Termasuk pindaan satu perjanjian antara KKM dengan Pharmaniaga ya, untuk memuktamadkan perkara inilah, *because* bila dia bayar, maka sewajarnya KKM tidak lagi akan menuntut— membuat sebarang tuntutan ke atas Pharmaniaga. Jadi, *our* penasihat undang-undang perlu mengadakan perbincangan dengan dia orang punya *legal council to formalize the agreement* dan kemudian dari segi pembayaran tersebutlah. Sama ada pembayaran itu adalah akan dibayar kepada KKM ataupun kepada MOF. Itu pun kita perlu tanya MOF juga. *[Ketawa]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tapi tidak ada *timeline* kan? Ada tak bagi *timeline* daripada pihak KKM sendiri ada tidak bagi *timeline*?

Dato' Sri Norazman Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: *So far,* tidak ada. Tapi *insya-Allah, I think this can be settled by— before the first half of the year* lah kot, bagi saya ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Seri, *depa* bayar *actual cost*?

Dato' Sri Norazman Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: *Sorry?*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Actual cost.*

Dato' Sri Norazman Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: Dia berdasarkan kepada pembayaran— maksud saya, dari segi kos yang mereka mengenakan kepada KKM untuk *that 104 units. That is the cost* yang dia akan pulangkan baliklah.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Tambah sikit Datuk Wira Pengerusi. Ekoran daripada pandemik ini, *so* KKM mungkin dah ada buat tindakan-tindakan susulan tentang ventilator inilah. *So*, apa keadaan ventilator yang mencukupi di seluruh hospital di dalam negara kita ataupun kita masih lagi seperti biasa fasal ventilator ini. Terima kasih.

Dato' Sri Norazman Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: Kalau bercakap tentang ventilator ini, *of course* ya, nak kata— *of course,* saya yang ini bergantung kepada pandangan daripada pakar-pakar di sinilah. Tapi kalau berdasarkan kepada perancangan perolehan tahunan, memang kita sentiasa membuat perolehan ventilator. Yang baru-baru ini pun ada satu tender juga yang kami sedang cuba memuktamadkan ya, untuk perolehan ventilator. Jadi, itulah yang proses-proses pihak kementerian mengambillah untuk kita sama ada tambah baru ataupun yang mana yang kita rasa perlu ganti, akan gantilah. Okey.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dia bila syor yang pertama, syor kedua, tidak ada orang nak tanya. Bila syor ketiga ini sebab ada buat bayaran balik, *very— something* yang sangat positif *you know*. Kita pun *happy* sebab kita Mesyuarat enam kali. *So*, saya pun hendak rekodlah ucapan tahniah kepada semua pihak yang terlibat ya.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Susulan, susulan. Kalau ventilator itu elok, makna kita ada 104 *ventilators*-lah akan digunakan. Sebab benda itu tidak elok tapi kita ada duit sekarang ini yang akan dibayar oleh Pharmaniaga. Jadi, adakah duit itu akan digunakan untuk membeli ventilator ataupun untuk tujuan lain?

Dato' Sri Norazman Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: Itulah Yang Berhormat, itulah yang saya kata tadi. Kalau duit itu dia bayar *direct at* KKM, KKM boleh pakai. Tapi kalau MOF kata kena bayar dekat MOF, tidak tentu KKM boleh dapat duit itu. Jadi, memandangkan Timbalan KSP dekat sini, *ha* kalau Timbalan KSP kata okey, duit itu masuk terus dekat KKM, *alhamdulillah*. Jadi, kalau PAC boleh buat syor macam itu, *alhamdulillah*. *[Ketawa]*

Tuan Ramzi bin Mansor [Kementerian Kewangan]: Okey, Datuk Wira Pengerusi, *this should be* normal, biasa. Kalau apa-apa kutipan yang diterima oleh mana-mana kementerian, dia akan masuk dalam Kumpulan Wang Disatukan. *[Ketawa]* Tetapi dia sebenarnya, dia masuk ke poket kiri, poket kanan, kita akan cuba bantu kementerian. Sebab selama ini pun MOF akan bantu.

Dr. Hajah Halimah binti Ali [Ahli PAC]: *This first choice*-lah nak bantu KKM kan?

Tuan Ramzi bin Mansor [Kementerian Kewangan]: Kemungkinan...

Dr. Hajah Halimah binti Ali [Ahli PAC]: Tapi *first choice is* KKM lah kan?

Tuan Ramzi bin Mansor [Kementerian Kewangan]: Ya.

Dr. Hajah Halimah binti Ali [Ahli PAC]: Nak dapat duit itu.

Tuan Ramzi bin Mansor [Kementerian Kewangan]: Tidak, tidak. Kalau ikut biasanya, kalau keperluan itu melebihi daripada yang RM16 juta ini, kita mungkin boleh mempertimbangkan lebih daripada itu. Cuma, saya hendak merakamkan kredit kepada PAC...

Tuan Syahredzan Bin Johan [Ahli PAC]: Masuk *hansard* ini.

Tuan Ramzi bin Mansor [Kementerian Kewangan]: Saya hendak merakam kredit kepada PAC, usaha-usaha ini yang membantu kita dapatkan semula ganti rugi bagi 104 unit ventilator yang kita tidak boleh guna daripada Pharmaniaga. Tahniah.

Tuan Syahredzan Bin Johan [Ahli PAC]: Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Saya pun hendak rakamkanlah ucapan tahniah dan penghargaan sebab saya ingat lagi masa kita buat prosiding ini, nampak gaya macam jalan buntu betullah

hendak dapatkan penyelesaian untuk isu ventilator sebab dua-dua pihak pun ada *stand* sendiri tentang sama ada siapa yang patut bertanggungjawab, sama ada kena bayar balik dan sebagainya. Tapi *alhamdulillah,* nampak gaya kita dah— ataupun pihak-pihak yang terlibat dah berjaya untuk mencapai penyelesaian dekat sini. Saya juga melihat syor-syor yang lain itu, berkenaan dengan TOR dan sebagainya, merupakan satu pengajaranlah kepada kita. Di masa hadapan- ya lah, kita tak nak ada berlaku pandemik macam ini lagi. Tetapi di masa hadapan, sekurang-kurangnya kalau ada keadaan darurat macam itu, kita dah bersedia dengan pengalaman yang kita ada.

Jadi, saya fikir ini satu perkara yang kita harus rakamkan penghargaan. Saya pun hendak mengucapkan terima kasihlah kerana telah mengambil syor-syor daripada PAC ini untuk dijadikan satu garis panduan untuk masa hadapan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Datuk boleh teruskan ataupun *you* hendak respons pada ini. Okey, teruskanlah.

Dato' Sri Norazman Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: Okey, untuk yang seterusnya, syor keempat, saya jemput Dr. Nora untuk– terima kasih.

Dr. Nora Eliza binti Abdul Halim [PPE, Kementerian Kesihatan Malaysia]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Nampak gayanya ventilator dah selesai. Saya harap PPE juga selesailah ya. *[Ketawa]* Okey, Yang Berhormat Tuan Pengerusi Datuk Wira dan juga Ahli-ahli PAC sekalian dan juga semua yang hadir. Saya...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sekejap. Boleh nyatakan *post, I mean* jawatan.

Dr. Nora Eliza binti Abdul Halim [PPE, Kementerian Kesihatan Malaysia]: Saya Dr. Nora Eliza binti Abdul Halim. Saya adalah Ketua Penolong Pengarah Kanan di Bahagian Perkembangan Perubatan. Saya menjadi wakil untuk *team* PPE kita hari ini. Saya akan membentangkan tentang perihal tindakan yang diambil oleh kementerian untuk syor PAC yang keempat iaitu KKM hendaklah memastikan lebihan PPE dimanfaatkan sebaiknya sebelum tarikh luput. Jadi, izinkan saya memberi sedikit mukadimah tentang PPE ini. Seperti yang sedia maklum, PPE ini diperlukan oleh anggota, *especially* petugas barisan hadapan kita untuk melindungi diri mereka daripada ancaman kecederaan ataupun penyakit. Yang terbaru adalah pandemik COVID-19.

Okey, garis panduan tentang pemakaian PPE ini telah dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut penemuan saintifik terkini dan juga saranan daripada WHO dan juga CDC sendiri, *alright*. Jadi di Malaysia, di KKM sendiri, melalui garis panduan yang dikeluarkan oleh– melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan

berhubung Garis Panduan Pengurusan COVID-19 yang bertarikh 16 Februari 2022, terdapat perubahan garis panduan pemakaian PPE yang ketara, yang mana PPE *boot cover* dan juga *jumpsuit* tidak lagi disarankan untuk digunakan dalam pengurusan wabak COVID-19. Jadi, perubahan polisi pemakaian inilah yang sebenarnya menjadi titik tolak dan juga sekali gus membuatkan penggunaan kedua-dua PPE ini menjadi menurun daripada unjuran asal yang kita buat.

Oleh yang demikian, bagi memastikan kesemua stok PPE yang kita ada sekarang- iaitu mengikut pelaporan yang kita beri setakat tarikh 31 Disember 2023, baki stok *boot cover* dan *protective jumpsuit* yang berada di fasiliti KKM ialah 1.36 juta helai untuk *boot cover* dan juga 430,000 helai untuk *protective jumpsuit*. Jadi, bagi memastikan semua baki yang kita ada ini boleh digunakan habis oleh KKM, KKM telah secara proaktif telah mengambil tindakan-tindakan yang kita boleh bahagikan kepada dua kategori. Kategori pertama adalah dalam skop perkhidmatan KKM sendiri dan kategori kedua adalah kepada agensi ataupun pihak luar.

Bagi kategori dalam skop perkhidmatan KKM sendiri, kita telah mengenal pasti dan menjalankan mobilisasi stok serta pengagihan semula stok *boot cover* dan *jumpsuit* ini untuk kegunaan harian kita, iaitu dalam perlaksanaan operasi harian kita serta aktiviti-aktiviti lapangan yang kita ada. *So*, di situ kita letakkan, contoh ia merangkumi yang pertama adalah kita guna— penggunaan *boot cover* sebagai alternatif kepada *shoe cover* di unit sajian, di unit forensik, di unit pensterilan dan juga di dewan bedah yang mana ia boleh dilaksanakan di fasiliti kesihatan KKM itu sendiri. Maksudnya, di klinik-klinik dan di hospital. Kemudian untuk– selain itu juga, penggunaan *boot cover* dan *protective jumpsuit* ini juga boleh kita jadikan sebagai bahan pendidikan, *especially* dalam kursus lanjutan kawalan infeksi yang mana bagi tujuan latihan, produk-produk ini boleh digunakan walaupun telah tamat tarikh luput.

Yang ketiga adalah untuk aktiviti-aktiviti lapangan KKM. Di sini juga sebenarnya aktiviti-aktiviti lapangan KKM ini juga tidak memerlukan yang— orang kata, ia tidak terhad kepada tarikh luput. Maksudnya, boleh digunakan walaupun item kedua-dua PPE itu dah tamat tarikh luput, dengan syarat dia masih elok dari segi fizikal. *So*, antara aktiviti yang kita boleh lakukan adalah seperti aktiviti *entomology* dan kawalan *pest* dan juga aktiviti penyiasatan, pengesanan kes dan pengambilan sampel dan juga aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Unit Bekalan Air dan Kesihatan Alam Sekitar seperti pengawasan mutu air minuman, penyediaan ke atas pembinaan sistem pelupusan dan juga kepada pelupusan air limbah dan juga sisa pepejal.

■1510

Kemudian, untuk kategori yang seterusnya adalah *of course*, luar daripada KKM iaitu kepada agensi ataupun pihak luar. Ini kita lebih kepada membuat tawaran pembekalan kepada agensi-agensi yang terlibat. Antara contoh yang telah menerima dan memohon untuk PPE kita digunakan oleh pihak mereka adalah seperti di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Lembaga Tabung Haji, Jabatan Kastam dan juga Jabatan Pertanian.

Jadi, dengan melaksanakan tindakan-tindakan ini secara berterusan dan optimum, *insya-Allah* baki stok *boot cover* yang berjumlah 1.3 juta helai itu dijangka dapat digunakan – *sorry* ya, slaid seterusnya – dapat digunakan sepenuhnya dalam tempoh masa 11 bulan iaitu sehingga November 2024 tahun ini, manakala bagi baki stok *protective jumpsuit* sebanyak 430,000 helai dijangka dapat digunakan sepenuhnya dalam tempoh masa 14 bulan sehingga Februari 2025. Sekian.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *All right,* ada apa-apa maklum balas? Tidak ada? Okay, *next.* Laju hari ni ya?

Dato' Sri Norazman Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: *[Ketawa]* Okey, akhir sekali adalah syor yang kelima iaitu berkenaan dengan peranan kerajaan dalam memastikan industri tempatan kita berupaya untuk menghasilkan sama ada peranti perubatan (*medical devices*) ataupun farmaseutikal bagi mengelakkan kebergantungan kepada negara luar dan memperkasakan sistem penjagaan kesihatan awam.

Jadi, ada beberapa strategi yang pihak KKM dengan kementerian-kementerian berkaitan telah mengenal pasti ya. Pertama sekali adalah untuk kita, KKM ini, mempelopori dengan lebih banyak sesi libat urus dengan syarikat-syarikat pembuat tempatan ini sama ada – ataupun pengeluar iaitu merangkumi peralatan perubatan dan juga farmaseutikal. Satu-satu perkara yang kami lakukan juga di pihak KKM adalah untuk meningkatkan peluang syarikat-syarikat tempatan dalam menyertai tender yang dikeluarkan oleh KKM dengan memastikan kod bidang yang spesifik yang membolehkan pengeluar ini untuk memasuki tender tersebut.

Kerana kami mendapati bahawa kadang-kadang apabila tender dikeluarkan terutama sebab perolehan tender ini dari segi pengiklanan ataupun proses tender ini bukan semuanya di-*centralised*-kan ataupun dipusatkan di ibu pejabat. PTJ-PTJ ataupun pusat-pusat tanggungjawab sama ada di peringkat jabatan kesihatan negeri ataupun di hospital juga boleh mengeluarkan tender dan terdapat beberapa kali kami mendapati bahawa apabila di peringkat lembaga perolehan, kami menengok semula dari segi kod bidang iklan tender tersebut didapati bahawa kod bidang tersebut mengecualikan pengeluar tempatan.

Maksudnya, kod bidang itu hanya adalah kod bidang bagi mereka yang mendaftar sebagai pembekallah. Tapi kalau syarikat-syarikat ini iaitu pengeluar-pengeluar ini yang tempatan ini tidak mendaftar sebagai pembekal, maka mereka tidaklah boleh memasuki tender tersebut. Jadi, secara tidak langsung ataupun secara langsung mengecualikan mereka daripada memasuki tender KKM-lah.

Dari segi strategi kedua adalah dari segi ini yang berhubung dengan promosi ataupun insentif-insentif termasuklah pelepasan cukai yang mana sedia ada disediakan oleh pihak MOF-lah dan permohonan ini adalah melalui MIDA iaitu agensi di bawah MITI. Kami juga bekerjasama dengan agensi-agensi tertentu, contohnya MATRADE di mana dalam misi-misi perdagangan ke luar negara yang melibatkan sektor-sektor sama ada peranti perubatan ataupun farmaseutikal untuk turut menjemput syarikat-syarikat tempatan kitalah.

Di KKM ini, kita juga mempunyai agensi iaitu Medical Devices Authority (MDA) yang turut membantu syarikat-syarikat kita, syarikat tempatan kita yang mengeluarkan peranti perubatan ini untuk cuba menembusi pasaran-pasaran eksport di sana. Cumanya, kalau kita nak bercakap tentang sama ada peranti perubatan lebih-lebih lagi tentang farmaseutikal, apa yang kami dapati dan saya sendiri pun ada turun ke Batu Kawan bersama-sama YB untuk mengadakan perbincangan dengan beberapa buah syarikat di sana yang mana terlibat dalam pengeluaran peranti perubatan dan rata-rata mereka mengatakan bahawa apabila mereka berada ataupun mereka ingin memasarkan produk-produk mereka ke pasaran eksport.

So, antara soalan yang ditanya adalah adakah produk mereka ini digunakan oleh KKM sama ada ubat ataupun perantilah. Jadi, sekiranya tidak digunakan oleh KKM, maka pihak di sana mungkin dia agak sukarlah untuk membeli daripada syarikat kita sebab dia kata, *"Kalau KKM pun tak pakai, you know, takkan nak jual kat kita." [Ketawa]* Lebih kurang macam itulah ya.

Jadi, sinilah yang kami perlu membuat ataupun melaksana – mengambil satu tindakan yang secara proaktif di pihak kami untuk menggalakkan penggunaan peranti perubatan dan juga farmaseutikal di peringkat KKM. Jadi, contohnya dari segi ubat-ubatan, KKM ini mengambil dasar untuk menggalakkan penggunaan ubat generik. Ubat generik ini adalah merujuk kepada ubat-ubat yang mana kita boleh membuat atau memasarkan selepas paten bagi produk *innovator* tersebut telah pun tamatlah.

Selain daripada itu juga, di setiap kontrak yang dikeluarkan di KKM dan saya percaya ini juga di kementerian-kementerian lain, MOF telah pun menetapkan syarat bahawa bagi kontrak-kontrak ini yang melebihi nilai ambang tertentu, mereka juga

perlu mengambil macam *interns*-lah ya di bawah – ini di bawah Program PROTÉGÉ ya. Dia macam kita punya graduan-graduan tempatan ataupun pelajar-pelajar universiti ini untuk bekerja dengan syarikat tersebutlah dengan harapan akan ada *knowledge transfer* dari pihak syarikat kepada kita punya *local talent*-lah.

Seterusnya dari segi promosi produk-produk tempatan kepada *end user* dan di sinilah di peringkat KKM kami juga mengakui bahawa kadang-kadang ada satu persepsi bahawa produk-produk buatan negara luar negara ini lebih baik dari segi kualitinya berbanding dengan produk tempatan.

Tapi saya sendiri bila saya pergi ke Batu Kawan, contohnya ada sebuah syarikat yang menyatakan bahawa mereka mengeluarkan mesin kepada satu syarikat yang MNC yang agak terkemuka untuk mengeluarkan produk mereka. Jadi, syarikat tempatan ini menyatakan kepada kami bahawa sekiranya mereka boleh mengeluarkan produk yang sama, menggunakan *machine* yang mereka memang menghasilkan untuk syarikat antarabangsa tersebut, ini maksud bahawa produk yang dikeluarkan syarikat tempatan itu lebih murah walaupun tidak memakai jenama *branded*-lah.

Tapi dia kata, tidak ada – orang kata, tidak ada kekurangan dari segi kualiti dan sebagainya *because it's producing using the same machine*. Jadi, seharusnya KKM memberi peluang kepada mereka dan di sinilah yang kami secara aktifnya cuba menggalakkan kita punya doktor-doktor kita, doktor-doktor pakar kita cuba menerima produk-produk tempatan ini.

Dari segi pemetaan rantaian bekalan (*supply chain map*) contohnya – ini kami memang mengadakan kerjasama dengan pihak MITI-lah ya untuk memetakan rantaian bekalan ini untuk produk farmaseutikal dan juga peranti perubatan dengan harapan bahawa kita boleh mengambil langkah-langkah intervensi tertentu untuk memastikan terdapat orang kata, penyertaan syarikat-syarikat tempatan di sepanjang rantaian bekalan tersebut.

Strategi keempat adalah ini untuk meneruskan Skim Anak Angkat iaitu yang memberikan peluang kepada syarikat-syarikat bumiputera tempatan untuk memasarkan produk mereka sama ada dalam bentuk peranti ataupun ubatlah. Ini sebenarnya adalah di bawah konsesi kita dengan Pharmaniaga. Akhir sekali adalah jalinan kerjasama yang kami sentiasa adakan dengan kementerian-kementerian, agensi yang berkaitan terutamanya dengan pelancaran dasar perindustrian baharu negaralah.

Itu sahaja lima strategi yang kita sedang laksanakan Yang Berhormat Pengerusi dan juga ahli-ahli untuk kita memastikan bahawa industri tempatan kita ini

kekal utuh, kekal mampanlah dan untuk kita lebih bersedia menghadapi sebarang krisis ya, kesihatan awam pada masa depan. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okay, Bayan Baru sebab ini ada kena-mengena dengan dia punya cadangan hari itu.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *[Ketawa]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Then* Kapar.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Terima kasih Pengerusi. Saya dekat sini saya ingin merakamkan ribuan terima kasihlah kepada KKM terutamanya Dato' Seri Norazman dan juga Encik Fauzee yang sudi turun ke Pulau Pinang untuk *take a look at the medical devices industry* yang sememangnya pengeluar tempatan dan memberi peluang kepada mereka untuk – *for our national security*-lah, dari segi kesihatan, *our healthcare security* untuk negara kita.

Saya nampak bahawa strategi ini – strategi pertama, kedua dan ketiga ini memang banyak membantu dan lima strategi inilah banyak membantu dan harap ia menjadi satu polisi kerana kita tahu bahawa kalau kita *need to build up for the next crisis, we have to strengthen our this local industry* dan saya– *I'm very happy and very glad* kerana ada perubahan yang telah berlaku di peringkat KKM. Terima kasih.

■1520

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kapar.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Nak tanya kepada KKM lah. Saya difahamkan, tak tahulah ini kah tidakkan, *how true this is,* ada monopoli daripada segi *supply of medical supplies*. Maknanya ubat termasuk *injection, vaccine* dan sebagainya melalui *big giant pharmaceutical company*. Betulkah itu?

Dato' Sri Norazman Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: *Big giant pharmaceutical, that means* syarikat – *I mean* syarikat luar negara, syarikat luar negara?

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ya, ya. *We are talking about imported product because* yang kita tahu yang buat ubat ini tak banyak kan tempatan? Kan?

Dato' Sri Norazman Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: Adalah orang kata sebilangan syarikat tempatan tetapi mereka menggunakan ubat *generics* lah. Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *So the main supply of* ubat untuk Malaysia, sama ada tak tahulah KKM pun mungkin sendiri buat– gunakan termasuk swastalah. *So the main* apa *is* yang saya punya apa *is the monopoly. Because then you have got no choice* daripada segi dia punya kos. Ini lagi-lagi bila Ringgit Malaysia jatuh, bila nak import, lagilah barang makin mahal. Betul?

Dato' Sri Norazman Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: Okey untuk menjawab soalan itu, *I think firstly we have to understand how the industry work* lah. Jadi, tidak dinafikan bahawa kebanyakan syarikat-syarikat yang menguasai pasaran bukan sahaja di Malaysia, di serata dunia dan bidang farmaseutikal adalah terdiri daripada syarikat-syarikat multinasional sama ada di Eropah ataupun di Amerika Syarikat lah ya. *That goes* tidak dinafikan.

Tetapi apa yang paling penting adalah mustahak untuk kita *understand how the industry work* di Malaysia dari segi *distribution*. Syarikat-syarikat ini, mereka kebanyakannya walaupun dia ada mungkin dia punya *branch office* di sini, mereka akan menyertai tender-tender dari KKM ini melalui syarikat-syarikat ejenlah, *authorized agent so to speak. Authorized agent* ini sebenarnya yang akan memasuki tender-tender di KKM kerana syarikat-syarikat antarabangsa ini, dia tidak mahu membayar contohnya setiap tender ini kita ada bon pelaksanaan.

Ditambah pula dengan syarat-syarat yang lain, contohnya yang saya sebutkan tadi yang dari segi perlu mengambil kita punya graduan tempatan dan sebagainya itu, jadi banyak syarat-syarat ini yang mereka rasa mungkin agak lecehlah untuk mereka perlu mematuhi. Jadi mereka letakkan tanggungjawab itu kepada syarikat tempatan kita, termasuk dari segi pembayaran bon pelaksanaan.

Jadi, di sinilah kita perlu lihat sebenarnya. Jadi masih ada penglibatan syarikat tempatan di dalam industri ini dan kebanyakan syarikat-syarikat tempatan ini pun dah lama berkecimpung dalam industri kita. Ada yang 30 tahun lebih pun ada. Kami pun sedang melihat semulalah dari segi struktur ini untuk membolehkan lebih banyak syarikat baru untuk menyertai industri ini. Jadi maksudnya tidak terhad kepada syarikat-syarikat sedia ada lah.

Keduanya adalah berhubung dengan dari segi *market forces* lah sebab dalam perolehan kita di KKM ini, kita pertama sekali *of course* kita lihat kepada *efficacy* ubat. Maksudnya kualitilah ya. Dia perlu memenuhi keperluan KKM dari segi rawatan kepada pesakit tersebut. Jadi biasanya, selepas paten ubat inovator ini dah luput, telah tamat, ubat generik dihasilkan. Pada kebanyakan masanya memang ubat generik ini dapat memenuhi keperluan KKM.

Cuma di sini ialah oleh kerana syarikat-syarikat ini, syarikat MNC ini, dia mempunyai sumber kewangan yang kukuh, jadi apa yang mereka lakukan selalunya untuk memastikan mereka terus mendapat tender ini adalah mereka akan menurunkan harga mereka. *They push down the price so that* harga tempatan lebih mahal. Jadi dalam keadaan ini, KKM terpaksa membuat satu keputusan. *Do we go for the lower price or do we still continue to support our local companies. All right.*

Sebab dari segi perolehan tender, sepatutnya harga. Maknanya syarikat yang lebih – yang boleh menawarkan harga yang paling rendah, dekat situlah kita ambil. Tetapi *if we continue to do that, there is no way our local company can survive* lah, *right. Because* ditambah dengan pelaburan mereka dan sebagainya, *they have certain cost that into meet.* Itu tak dinafikan.

Tetapi dari segi ini, MOF juga mempunyai satu mekanisme untuk membantu syarikat-syarikat tempatan kita terutamanya syarikat bumiputera yang memberikan fleksibilitilah saya kira ya kepada kementerian di KKM ini, untuk kita memberikan peluang kepada syarikat-syarikat tempatan walaupun perbezaan harga antara yang import ini dengan yang tempatan ini ada perbezaanlah, agak tinggilah. Jadi di situlah yang kami sebenarnya cuba untuk membantu.

Satu lagi adalah kalau kita bercakap tentang pelaburan oleh syarikat tempatan, mereka ini bila mereka bercadang untuk melabur, selalunya mereka akan datang ke KKM untuk bertanyakan adakah kalau sekiranya mereka berjaya mewujudkan kilang ataupun mempunyai kilang tersebut dan memerlukan pengeluaran komersial, adakah KKM akan mengikat satu kontrak untuk tempoh tertentu dengan mereka. Lebih kurang macam *offtake* lah untuk memastikan bahawa *they have a minimum volume at least for them to start their business.*

Kalau sebelum kita meratifikasikan perjanjian dagangan bebas CPTPP itu memang ada. Memang kita boleh buat *offtake* lah ya. Tetapi selepas kita meratifikasikan CPTPP, kita tidak boleh lagi berbuat demikian. *So, there are limitations to that* lah, *there are limitations to that.* Jadi di sebalik ini, di sebalik perkembangan-perkembangan tersebut, kementerian terpaksalah lebih berinovatiflah, berinovasi dari segi memikirkan apakah pendekatan-pendekatan yang boleh kita bantu syarikat-syarikat tempatan kita.

But of course, if we talk about the global MNCs, I mean they are there lah. Mereka ini membelanjakan duit berbilion *US Dollar* setiap tahun, *just* untuk R&D sahaja. Ya*, so of course,* dari segi *market share, definitely they will continue to dominate* lah. Terima kasih.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Boleh tanya sikit. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Saya ada beberapa perkara yang saya nak tanya mengenai strategi menggalakkan dari segi kesihatan tempatan. Saya pun pernah berbincang dengan Dato' Norazman beberapa perkara tentang ini dan ini satu cadangan yang cukup baik.

Cuma pertamanya saya nak tanya, setakat mana *progress* yang kita dah capai tentang apa yang kita cadangkan dan di peringkat mana benda ini nak kena

naik supaya akhirnya dipersetujui dan boleh dilaksanakan? Sebab kita kadang-kadang dia sekerat jalan ya. *Sat* lagi Dato' Norazman *pi tang* lain pula. Dia *mai alik* ini, ditukar pula kan *[Ketawa]. So hopefully they will be sustainable* punya program ya.

Keduanya, *road map* lah, *timeline* Dato' Sri ya bila dia akan berlaku. Nombor satu itu bila, dua bila, tiga bila. Ini banyak benda ini, *very* komprehensif.

Seterusnya, tentang vaksin Dato' Sri. Masa kita tengah sibuk-sibuk tak ada vaksin, kena tunggu daripada luar negara, rakyat kita dah banyak dah mula meninggal, kita pun mula bercakaplah. Kita patut buat vaksin sendiri, kita patut R&D sendiri tetapi bila COVID dah tidak ada, kita pun senyap. *So I think that one should be plan for it.*

Then of course, vaccine ini bukan benda yang mudah dan murah. Saya pernah melawat vaksin punya *manufacturer* di United States semasa ada persidangan *biotech* dulu. Dia *spent* bilionlah R&D *to come out with one vaccine, billion and* dia mengambil masa yang lama ya Dato' Sri ya, *five to seven years* lah. Tapi akhirnya berjaya lah. *Last* sekali dia *try* dengan tikus dan sebagainya. *So* yang itu ketiga.

Keempat Dato' Sri ya, kita di Kedah ada sebuah syarikat nama Idealcare. Idealcare ini dia buat macam-macam. PPE pun masa pandemik itu dia buat lah Idealcare *and this is one of the most – I think* di *Kedah the most successful bumiputera company* yang terlibat dalam *medical equipment* dan sebagainya. *Depa* buat – *catheter* pun dia buat yang untuk jantung dan dia eksport ke luar negara dan PPE itu biasalah bagi dia orang.

■1530

So, maybe yang ini— *I don't know Dato' Sri visited them or not.* Kalau tidak, *I think good to visit them. They are very established and very successful.* Idealcare.

Kemudian, Dato' Sri, dia mengenai *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP). Apa kesan dia kepada syarikat-syarikat yang kita nak buat ini? *[Ketawa]* Dato' Sri tahu benda ini. Apa kesan dia? *Because, it is an open market*. *So, there will be competition.* Apa kesan impak terhadap apa yang kita nak laksanakan ini, Dato' Sri ya? Kalau syarikat luar negara dia beroperasi di Malaysia, macam mana *treatment* yang kita berikan kepada mereka?

Di Kulim Hi-Tech Park, dia ada beberapa syarikat yang buat benda-benda mengenai perubatan. *Even very specialize glove,* sebuah syarikat Sweden buat di situ. Ini juga kita perlu beri perhatian fasal *depa* buat pelaburan di sini.

Terima kasih Dato' Sri, terima kasih Datuk Wira.

Dato' Sri Norazman Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: Banyak soalan itu. *[Ketawa]* Okey, terima kasih. Kalau boleh, saya akan jawab secara ringkasnya, tapi *at the same time,* komprehensiflah.

Jadi, merujuk kepada soalan pertama tadi berkenaan dengan kemapanan *all these strategies*-lah ya, *sustainability*. Seperti mana yang Yang Berhormat maklumkan tadi, adakah dia bermaksud sekiranya mana-mana pegawai di peringkat kementerian, termasuk diri saya, bila keluar dari kementerian, benda ini tidak akan diteruskan.

Saya kira kalau perkara ini telah dijadikan sebagai satu dasar kementerian. Maka, tidak akan jadi masalah ya. Ia tidak bergantung kepada mana-mana pegawai sama ada berada di KKM ataupun di luar. Ada sesetengah perkara itu, macam saya sebutkan tadi, dari segi penetapan kod bidang untuk tender itu memerlukan satu dasar. Memang dia dah dijadikan satu dasar. Dari segi perkara-perkara lain pun begitu juga.

Dari segi *timeline* itu, kalau yang mana kita dah laksanakan, itu dah kira kita dah selesai. Tetapi, yang saya kira yang akan memakan masa yang lebih agak panjang adalah yang melibatkan kerjasama dengan kementerian-kementerian ataupun agensi-agensi yang berkaitanlah. Contohnya, satu pihak adalah dengan MITI, *for example,* dari segi pemetaan rantaian bekalan dan sebagainya. Itu memang memerlukan satu hubungan kerjasama yang jitulah melibatkan kementerian-kementerian yang berkaitan ya.

Dari segi vaksin, sebenarnya pihak MOSTI ada satu dasar, Dasar Pembangunan Vaksin, dengan struktur tadbir urus yang telah ditetapkan yang mana KKM juga turut terlibat dalam pelaksanaan dasar ini. Seperti mana Yang Berhormat maklumkan tadi, memang dari segi penghasilan vaksin ini, dia memerlukan perbelanjaan yang agak besar.

Kebetulan pagi tadi pun, kami ada satu perbincangan berhubung dengan cadangan sebuah syarikat tempatan yang ingin membuat pelaburan dalam pengeluaran vaksin. Syarikat tersebut, *of course,* memohonlah galakan daripada kerajaan dalam bentuk geran. Tetapi, saya berpandangan penyaluran geran ini perlu disertakan dengan syarat-syarat yang ketat. Maksud saya, syarat-syarat ketat ini mungkin dari segi sekiranya projek yang hendak dilaksanakan tersebut tidak berjaya, maka syarikat sewajarnya mengembalikan sebahagian daripada geran tersebut balik kepada kerajaan. Ini salah satu contoh, ya.

Tapi, mungkin selain daripada geran, pihak kerajaan juga boleh melihat dari segi pelaburan. *Instead of us providing grants* kepada syarikat tersebut, apakah kita

tidak boleh mempertimbangkan pemilikan ekuiti dalam syarikat tersebut? *Instead of us using the money as a grant...*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Norazman Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: *Yes. The money* itu kita *convert* kepada ekuiti dalam syarikat tersebut. Ya.

Seorang Ahli: Macam Khazanah.

Dato' Sri Norazman Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: Ya, macam Khazanah. Betul, Yang Berhormat ya. *So,* ini adalah beberapa perkara yang kita boleh lihatlah dari segi ini.

Berhubung dengan syarikat Idealcare. Idealcare ini memang salah satu syarikat yang kita luluskan di bawah Skim Anak Angkat. Jadi, mereka ini memang sedang membekalkan kepada pihak KKM lah.

Terakhir sekali tentang CPTPP. Tidak dinafikanlah bahawa dengan ratifikasi CPTPP ini telah menyebabkanlah dari segi kaedah prosedur tatacara perolehan ini telah ditambah baiklah, boleh dikatakan ya, dengan lebih ketelusan dan sebagainya.

Tetapi, pada masa yang sama juga— saya tidak mengatakan ia memberikan masalah tetapi mungkin dari segi perubahan itu, ada implikasi kepada syarikat-syarikat tempatanlah ya. Sebagai contoh, tidak lagi ada *offtake,* contohnya, yang dibenarkan seperti mana yang saya sebutkan tadi ya. Bila ada mana-mana syarikat tempatan yang ingin membuat pelaburan, kita tidak dibenarkan mengadakan perjanjian *offtake* dengan syarikat tersebut.

Keduanya, dari segi *preferences* kepada syarikat tempatan ya. Itu juga hanya terhad kepada nilai ambang tertentu dalam perolehan tersebut. Sekiranya nilai perolehan tersebut melebihi nilai ambang tersebut, maka kita tidak boleh ada *preference* kepada syarikat-syarikat tempatan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Nilai ambang itu dia berbeza-beza.

Dato' Sri Norazman Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: Dia berbeza. Betul. Mengikut sama ada tender adalah bekalan, perkhidmatan ataupun kerja. Kerja ini maksud dia *construction. Physical construction*-lah ya. Jadi, di sinilah yang implikasi dialah, orang kata. *On one hand of course,* mungkin dia lebih menggalakkan persaingan *(competition), which is good. But, on the other hand, is also,* orang kata, bagi syarikat-syarikat tempatan yang belum bersedia, ini merupakan satu cabaran kepada merekalah. Terima kasih.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Soalan saya *last one,* Dato' Sri. Syarikat luar negara beroperasi di Malaysia buat produk *medical* di Malaysia, tetapi dia luar negara. *How do we treat this* ya?

Dato' Sri Norazman Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: Okey. Kita memang ada beberapa buah syarikat dari luar negara. Contohnya, ada daripada syarikat India yang mempunyai fasiliti di Johor. Ada juga sebuah syarikat mempunyai fasiliti di Bandar Enstek yang mengeluarkan produk ubat-ubatanlah. Mereka juga menyertai tender kita dan kita *consider them.* Walaupun *they are foreign owned* tetapi kita masih *considered them as* syarikat tempatan sebab dia FDI, walaupun *they* are *foreign owned.*

Tetapi, di sini juga kami agak berhati-hati ya untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat antarabangsa ini tidak hanya menggunakan Malaysia ini— ataupun pelaburan mereka di Malaysia ini hanya untuk— saya tidak kata mengetepikan tetapi mungkin untuk mengambil peluang daripada satu *loophole* dalam dasar kita. Sebab, kita menyatakan bahawa sekiranya mereka syarikat tempatan, kita akan bagi *certain preferences*-lah tertakluk kepada pematuhan kepada CPTPP.

Kami dapati ada dalam keadaan-keadaan tertentu, contohnya bila dia ikat kontrak dengan kita untuk sejumlah nilai dan juga *volume,* kemudiannya setelah mereka menandatangani kontrak tersebut, mereka menyatakan bahawa dia tidak dapat memenuhi *volume* tersebut melalui produksi mereka di Malaysia dan mereka akan memohon kebenaran untuk mengimport daripada negara asal mereka untuk memenuhi sebahagian daripada *volume* tersebut.

Di sinilah yang kami akan teliti betul-betul sebab kami tidak mahu mereka sebenarnya— mereka sebenarnya nak mengeksport sepenuhnya dari negara asal tapi mereka tahu kalau dibuat demikian, dia mungkin tidak dapat memenangi tender itu. Jadi, mereka menggunakan alasan mereka telah bertapak di Malaysia, dan dengan harga yang kompetitif, memenangi tender ini. Kemudiannya, bila ditawarkan kontrak ini, dia mengatakan bahawa, *"Oh, sebenarnya kami tidak boleh memenuhi 100 percent keperluan ini".* Sebahagiannya kena daripada negara asal merekalah. Di sinilah yang KKM, *we will step in and say, you know if that's the case, then we may have to retender* semula ataupun kita akan memberikan peluang kepada syarikat tempatan kitalah. Terima kasih. Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Dato' Pengerusi, nak tanya sikit fasal strategi ini. Strategi menggalakkan industri kesihatan tempatan. Kita tahu di antara benda yang mungkin negara kita nak galakkan ialah *health tourism* dan itu pun sudah berlaku, di mana orang nak cari rawatan, *medical screening* dan sebagainya, dia datang Malaysia.

Ini saya *personally* alami sendirilah masa zaman saya jadi Exco Kerajaan Selangor. Mantan Perdana Menteri Jordan *twice* datang ke Malaysia untuk *attend international conference* yang dibuat. Dia kata, bila nak datang itu, dia nak buat dia

punya *health screening— routine screening*-lah. Tengok-tengok waktu itu, kita tengok mana *medical centers*— kita tak hantar hospital kerajaanlah... *[Ketawa]* Mana-mana ada hospital, *fully booked. Fully booked. So,* tak boleh pun slot untuk dia ini, yang seorang ini, yang eksklusif seorang ini. Makna, *we are already at that stage* dah.

■1540

So, saya punya *point,* tengok yang nombor dua itulah; peranti perubatan, menggalakkan, R&D, kolaborasi itu dan ini dengan industri tempatan kan. Kita juga ada masalah daripada segi pelajar-pelajar IPT kita, ada yang tak boleh kerjalah dan sebagainya. Lepas itu, dengan TVET dan sebagainya. *So, why don't we – I don't know how far* KKM boleh *influence* IPTA, MOSTI dan sebagainyalah kan – *we are talking about policy* untuk negara kita. Mungkin ini boleh dibawa ke pihak yang lebih – lebih luas, lebih besar, *the big picture.* Kita pula, negara kita taklah besar; kecil kan. Tapi *why don't we as the* – tempat yang kalau orang nak ingat fasal perubatan, dia datang dekat Malaysia dan juga kita ni *train* modal insan yang *skilled,* nak buat segala peranti-peranti, peralatan, *whatever* ini *and we can even train,* katakan pelajar-pelajar dekat Indonesiakah, dekat mana-manakah, apa kan. *Then, they can come here and* apa ni. Tapi kita akan jadi *producer of a good product, branded products,* termasuklah nanti ubat-ubatan.

This is long-term. Long-term, *but you have to* apa – *you have to put in the road map,* kata Kubang Pasu tadi – mana Kubang Pasu? *It is part of the planning*. Kalau kita nak lonjakkan Malaysia *on the map* kan, *as far as this* industri kesihatan *is concerned.* Macam *quinine*, takkan US pula ambil paten dia? Padahal *quinine* ini *in tropical areas,* tempat kita kan. Banyak lagi produk kita yang – kita *one of the richest biodiversities* yang kita tak *explore* lagi. *So, I think that is one of the things* – yang *health tourism is one strength of Malaysia that* kita kena *fully explore.* Kita punya apa... *[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Sikit, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Dato' Sri, sedikit. Saya mungkin – saya terlewat tadi. Ada kalau yang dah tanya itu mungkin – jadi dah boleh. Berkaitan dengan kita punya cadangan supaya syarikat industri tempatan ini, untuk farmaseutikal ini lebih dikembang, diluaskan. Jadi di Malaysia kita ini, tidak dapat tidak, kita meletakkan syarikat Pharmaniaga inilah yang terbesar, yang beroperasi untuk *supply* kita punya segala ubat-ubatan dan sebagainyalah.

Jadi soalan saya ni, selain Pharmaniaga yang kita bincang sebelum ini sebagai *supplier* kepada vaksin kita ni, beberapa besar lagi kontrak kita – kementerian dengan Pharmaniaga ini sendiri? Dan apa *plan* terus dengan

Pharmaniaga ini untuk ke depan? Kerana kita melihat syarikat Pharmaniaga ini, kami dilaporkan ada masalah besar dalam segi kewangan yang dilaporkan. Dia mengalami kerugian yang besarlah ya, lebih – hampir nak lebih RM600 juta ya, dalam laporan dia tahun lepas. Dan ini pun katanya ada kerisauanlah sebab dia dah menjadi – dia pemegang – maknanya, orang kata terbesarlah dari segi *supplier* kita ni. Dan apa-apa berlaku pada Pharmaniaga ni, dia ada efek kepada mungkin *supply* kita tu dan juga kepada *shareholders* lainlah, termasuklah LTAT dan sebagainya. Jadi, itu yang soalan saya. Terima kasih.

Dato' Sri Norazman bin Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: Ya. Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya, berhubung dengan Pharmaniaga ini, dari segi dia punya kontrak yang dikatakan konsesi ini adalah hanya dari segi *distribution; storage, distribution* dan juga bila kita kata tentang *storage* ini, maksud mereka perlu buat perolehan terlebih dahulu sehingga dua bulan – *sorry,* sehingga dua bulan eh? *[Merujuk kepada pegawai]* Sehingga dua bulan *stock* bagi ubat yang kita kenal pasti untuk simpan di gudang-gudang Pharmaniaga dan hanya apabila KKM ingin menggunakan bekalan-bekalan ubat ini, barulah kita akan keluarkan pesanan kepada Pharmaniaga dan mereka akan bekalkan dan kita akan bayar. Bermaksud di sini, Pharmaniaga ada – akan memainkan dua peranan di sini. Pertama sekali, untuk memastikan stok bekalan ubat yang kritikal, yang dikenal pasti oleh KKM, sentiasa pada tahap yang mencukupi. Itu pertama sekali.

Dan keduanya, untuk memastikan bahawa bekalan-bekalan ubat ini dapat dihantar ke semua *facility* KKM di seluruh pelosok negara. Kalau untuk Semenanjung, dalam tempoh tujuh hari. Kalau untuk Sabah/Sarawak, dalam tempoh sepuluh hari. Jadi, di sini – dari peranan – dua peranan inilah yang sebenarnya dimainkan oleh Pharmaniaga. Tidak bermaksud –mungkin ada syarikat lain yang berminat tetapi persoalannya adalah, syarikat-syarikat ni bersedia untuk memikul tanggungjawab ini. Dan kami lihat bahawa sekiranya kita tidak mempunyai mekanisme ini, maka bermaksud pertama sekali, KKM ini perlu mempunyai peruntukan yang mencukupilah ya. Sebab dalam keadaan-keadaan tertentu, Pharmaniaga, mereka akan bekalkan ubat kepada kita tapi KKM akan mengambil masa untuk bayar mereka disebabkan kekangan peruntukan ya. Tapi kalau kita *remove* Pharmaniaga, ini bermaksud bahawa sekiranya kita memerlukan ubat-ubatan ini, kita perlu beli terus daripada syarikat-syarikat ini dan COD-lah, *cash on delivery*-lah. Kalau bagi kredit pun mungkin 30 hari, 60 hari, yang mana mungkin pada masa itu pun KKM masih belum mempunyai peruntukan untuk membayar. Jadi, sinilah kita lihat peranan Pharmaniaga.

Selain daripada itu juga, Pharmaniaga – yang ni saya bercakap tentang Pharmaniaga Logistics Sdn Bhd. *Of course,* Pharmaniaga ni besar. Dia ada subsidiari-subsidiari lain. Contohnya, Pharmaniaga Manufacturing yang turut membekalkan ubat kepada KKM tetapi melalui tenderlah. Mereka juga perlu bersaing seperti mana syarikat-syarikat lain untuk memasuki tender-tender tersebut. Dan berhubung dengan yang dari segi faktor kewangan, sememangnya kami telah melihat ya, kepada perkara itu *even* sebelum konsesi ditawarkan kepada Pharmaniaga ataupun penyambungan konsesi tersebut. Tapi kami lihat di sini oleh sebab Pharmaniaga ini masih dipunyai oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang merupakan salah satu daripada GLIC itu ya. Jadi, di sinilah kami lihat bahawa Pharmaniaga, walaupun atas kertas, *on paper* mempunyai *impairment* sebanyak RM600 lebih juta tetapi kami yakin dan percaya LTAT ya, mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyokong Pharmaniagalah, *because they are backed by our GLIC*-lah. Jadi, inilah antara faktor-faktor yang menjadi pertimbangan kepada kerajaan untuk menawarkan konsesi kepada Pharmaniaga.

Satu lagi faktor yang agak – bagi saya agak pentinglah, bila kita bercakap tentang CPTPP.

[Perbincangan secara tanpa rekod]

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Kita dengar CPTPP ini dah – *agreement* kita *sign* ini dah setakat mana ya?

Dato' Sri Norazman bin Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: Kita sudah meratifikasikannya tahun lepas.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Maknanya, *full for the...*

Dato' Sri Norazman bin Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: *It's fully* – ya. Dah *enforced* dah pun. Dah *enforced.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, kalau boleh saya nak minta daripada Dato' Sri. Kita tahu bahawa Pharmaniaga memang mainkan peranan yang strategiklah. Ini kita tahu dan kita pun nampak ada kelemahan tertentu dari segi konsesi tersebut kerana dia monopoli dan juga ada pelbagai apa ni – kalau sesuatu itu monopoli, dia memang akan membawa impak-impak negatif tertentu.

So, boleh kah kita cadangkan kepada kementerian bahawa *we can actually call for – request for proposal. Request for proposal,* semua masalah-masalah atau *key features* yang kementerian perlu, boleh ditetapkan, masih ditetapkan. Tetapi kita minta vendor-vendor lain untuk – atau pembida-pembida, syarikat-syarikat – mungkin *pension fund. Pension fund* kita pun ada KWAP, kita pun ada LTAT-Pharmaniaga, KWSP dan sebagainya.

■1550

Mereka pun boleh membantu sehinggakan GLC-GLC lain yang lebih berdaya maju, contohnya Sime Darby kah atau yang lebih efisienlah untuk memastikan bahawa kerajaan *spend the value for money. I think this is critical. So, can you consider request for proposal?* Terima kasih.

Dato' Sri Norazman Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: *Of course we can consider that – this something* yang kita melihatlah dalam sebagai salah satu langkah ke hadapan selepas konsesi sediaan ini tamat ataupun akan tamat di mana kita akan mempertimbangkan RFP inilah untuk turut menjemput syarikat-syarikat GLC yang lain.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Ada apa lagi Yang Berhormat ataupun ada lagi respons? Saya ingatkan Kubang Pasu pegang *microphone* dia nak bercakap. *So*, nampaknya macam tiada. Saya minta – saya nampak ada daripada Kementerian Ekonomi.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Puan Pengerusi boleh sedikit? Sikitlah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada lagi?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Sikit, sikit. *Last* lah. Kita tahu isu Pharmaniaga lagi lah, ya? Sebab nampak dia memang kalau tidak payung pun maknanya sangat nilai besar dari segi dia *concern* dengan ini. Dia sebut apa yang menyebabkan dia mengalami kerugian besar itu ialah ketika pengeluaran vaksin itu lah, ya? Dia sebut dia nak pelan untuk jual vaksin di masa – jadi, di pihak kementerian sendiri adakah – ada juga, maknanya kebersamaan di situ ataupun lepas pada dia saja atau bagaimana? Di pihak KKM sendirilah.

Dato' Sri Norazman Ayob [Kementerian Kesihatan Malaysia]: Jadi, saya serah kepada Datuk Norhayati lah, Timbalan KP Kesihatan dia*. [Ketawa]* Yang pasal vaksin itu. Ya, vaksin COVID-19. Vaksin COVID-19.

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli [Kementerian Kesihatan Malaysia]: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk menjawab vaksin COVID-19 ini, okey kita tahu bahawa semasa kita dalam proses perolehan, kita tahu ada terdapat banyak vaksin di pasaran. Pada masa itu kita juga apabila kita membuat perolehan berdasarkan keperluan dan juga berdasarkan kepada *scientific basis* apabila kita membuat perolehan melalui vaksin tertentu.

Untuk vaksin di bawah Pharmaniaga, ia melibatkan vaksin satu nama saja, nama *Sinovac*-lah. Kita tahu pada masa itu semasa perbincangan di adakan kita tidak memberikan sebarang perjanjian mengatakan apabila Pharmaniaga beli baru *government* akan membeli melalui Pharmaniaga. Itu adalah berdasarkan apa yang

dilaksanakan oleh pihak Pharmaniaga. *But* dia bukan perjanjian antara Pharmaniaga dan juga KKM, bahawa pula Pharmaniaga beli, KKM akan membuat perolehan melalui Pharmaniaga. Itu yang saya maklum pada masa itulah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Jadi, pihak KKM sendiri kita tidak ada obligasi untuk kita kata nak jual balik vaksin-vaksin itu yang disebut oleh Pharmaniaga itu sebenarnya atau bagaimana? Ataupun kita masih ada juga ada terikat apa-apa perundingan sebelum ini?

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli [Kementerian Kesihatan Malaysia]: Dengan *Sinovac* kita tak ada terikat *any* perundingan, yang saya faham tak ada perundingan. Terikat *any* perundingan dengan untuk *Sinovac* ini, Pharmaniaga. *Thank you*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih Sik atas soalan ataupun ini yang terakhir. Saya minta untuk – saya nampak ada Kementerian Ekonomi sini ada memberi ulasan terhadap perkara yang diminta untuk maklum balas. Boleh bacakan kepada kita semua dan bacalah untuk kita punya rekod.

Dr. Ida Saliny binti Hassan [Kementerian Ekonomi]: Kementerian Ekonomi telah meneliti laporan tindakan susulan muktamad pegawai pengawal terhadap syor-syor Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) berhubung pengurusan wabak COVID-19, vaksin luput tempoh hayat, peralatan ventilator yang tidak dapat digunakan dan lebihan *personal equipment* (PPE) di bawah Kementerian Kesihatan. Kita tiada halangan terhadap tindakan susulan ke atas syor-syor PAC Parlimen yang telah diambil oleh pihak KKM.

Kementerian ini juga berpandangan bahawa satu garis panduan perolehan, peralatan serta perkhidmatan perlu disediakan oleh Kementerian Kewangan supaya urusan perolehan berlaku dengan lancar sekalipun semasa bencana. Garis panduan ini dapat mengelakkan kementerian daripada melakukan kesilapan, tatacara perolehan peralatan/perkhidmatan dan merisikokan negara kepada kerugian. Garis panduan ini juga dapat memelihara kepentingan semua pihak yang terlibat dalam perolehan peralatan atau perkhidmatan semasa bencana termasuk apa jua pandemik pada masa akan datang. Itu saja ulasan daripada KE.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih Kementerian Ekonomi. PAC menghargai maklum balas yang telah pun diberikan oleh Kementerian Ekonomi kepada kita. Ini adalah maksudnya yang sebagaimana ucapan saya awal tadi dan kita minta selepas ini ada maklum balas daripada setiap ex-officio supaya kita dapat rekodkan dan supaya kita lebih serius

dan nampak ada – maksudnya *progress* dan juga penambahbaikan daripada semasa ke semasa.

Saya dengan ini, saya ucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berusaha Tuan Ramzi bin Mansor, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan). Walaupun kali pertama tapi kali terakhirlah untuk sesi ventilator ini. *[Ketawa]* Tak sebagaimana Dato' Sri Norazman Ayob, banyak kali tapi *I think along the way* itu banyak yang telah pun kita lalui bersama dan banyak perkara yang sudah berlaku. Air mata juga tumpah pun banyak juga, bukan? Saya tengok dalam *especially* dalam Kementerian Kesihatan Malaysia ini. Terima kasih juga pada Datuk Dr. Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Awam dan semua pegawai-pegawai yang terlibat.

Saya harap perkara yang telah pun diberikan maklum balas ini dan perkara-perkara yang telah pun diangkat ataupun syor-syor yang telah pun dibuat pandangan yang telah pun diberikan sama ada daripada Ahli PAC ataupun semua yang terlibat dalam hal ini dapat diberi perhatian. *So that,* kalau sekiranya negara kita berhadapan dengan darurat, kita sudah tahu dah apa nak buat dengan baik, dengan lancar dan juga dengan penuh – maksudnya tata kelola yang baiklah. Itu saja. Jadi, tangguhkan kita punya Mesyuarat pada petang pada 5.56 petang. Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Tiga.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: 3.56 petang. *[Ketawa]* 3.56 petang dan saya ambil kesempatan di sini juga mengucapkan salam Ramadan kepada semua dan semoga kita semua dapat menjalani ibadah puasa dengan baik. *Insya-Allah.* Terima kasih. *Assalamualaikum.*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.56 petang]

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur
Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)
E-mel: pacparlimen@parlimen.gov.my

www.parlimen.gov.my/pac